



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI  
**NEGERI SEMBILAN**  
TAHUN 2008

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008 NEGERI SEMBILAN



*Dewan Undangan Negeri Sembilan*

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI  
NEGERI SEMBILAN  
TAHUN 2008

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



## KANDUNGAN

## KANDUNGAN

| PERKARA   | MUKA SURAT |
|---|------------|
| <b>KATA PENDAHULUAN</b>   | vii        |
| <b>INTI SARI LAPORAN</b>  | xiii       |
| <b>BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008</b> |            |
| Pendahuluan   | 3          |
| Objektif Dan Kaedah Pengauditan   | 4          |
| Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008                     | 4          |
| <b>BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>  |            |
| Analisis Kewangan   | 7          |
| Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri  | 7          |
| Wang Tunai  | 9          |
| Pelaburan   | 10         |
| Akaun Hasil Disatukan   | 11         |
| Akaun Pinjaman Disatukan  | 18         |
| Akaun Amanah Disatukan  | 20         |
| Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai  | 27         |
| Akaun Memorandum  | 28         |
| Rumusan Dan Syor Audit  | 33         |
| <b>BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>   |            |
| Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia  | 37         |
| Kesembilan  |            |
| Rumusan   | 39         |
| <b>BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>                                     |            |
| Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti (AI)   | 43         |
| Objektif Pengauditan  | 44         |
| Skop Dan Kaedah Pengauditan   | 44         |
| Jenis Kawalan   | 45         |
| Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri  | 55         |
| Rumusan Dan Syor Audit  | 56         |

**BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN  
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN  
AGENSI NEGERI**

|                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| Pendahuluan                           | 61 |
| Pengauditam Penyata Kewangan          | 61 |
| Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan | 62 |
| Pengesahan Penyata Kewangan           | 62 |
| Pembentangan Penyata Kewangan         | 63 |
| Prestasi Kewangan                     | 64 |
| Analisis Tunggakan Cukai Taksiran     | 66 |
| Rumusan Dan Syor Audit                | 67 |

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN  
BAHAGIAN VI - MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM  
NEGERI**

|   |    |
|---|----|
| Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan | 71 |
| Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri                 | 71 |

|                |    |
|----------------|----|
| <b>PENUTUP</b> | 75 |
|----------------|----|

**LAMPIRAN**

|  |    |
|--|----|
| I Sijil Ketua Audit Negara                       | 79 |
| II Lembaran Imbangan                             | 80 |
| III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai | 81 |
| IV Penyata Akaun Memorandum                      | 82 |
| V Penyata Akaun Hasil Disatukan                  | 83 |
| VI Nota Kepada Penyata Kewangan                  | 84 |



## KATA PENDAHULUAN

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan dua kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap penyata kewangan sama ada kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan atau tidak memuaskan.

**1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan** – Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (IA) bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, akaun amanah/ kumpulan wang amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “**membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul**” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2008 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2008. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2008, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.

3. Laporan ini dibahagikan kepada enam Bahagian seperti berikut:

- Bahagian I** - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008
- Bahagian II** - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri
- Bahagian III** - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri
- Bahagian IV** - Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
- Bahagian V** - Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri.
- Bahagian VI** - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri.

5. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai lima perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan oleh penjawat awam untuk menjalankan tugas mereka. Penjawat awam pula perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b) **INTEREST** – Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan tidak ada sikap sambil lewa.
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap penjawat awam mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.
- e) **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**  
**3 Julai 2009**



## INTI SARI LAPORAN

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

### **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2008 berjumlah RM175.64 juta dan mengalami penurunan sejumlah RM15.98 juta atau 8.3% berbanding tahun 2007. Kecairan tunai Kerajaan Negeri adalah rendah untuk menampung tanggungan semasa. Pada tahun 2008 pelaburan saham Kerajaan Negeri berjumlah RM23.40 juta berbanding RM23.36 juta pada tahun 2007 dan terdapat peningkatan RM0.04 juta atau 0.2%. Manakala pelaburan saham di Akaun Memorandum berkurangan dari sejumlah RM6.62 juta pada tahun 2007 kepada RM6.30 juta pada tahun 2008. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2008 mencatatkan peningkatan sejumlah RM9.42 juta atau 3.7% manakala tunggakan hasil meningkat dengan mendadak sejumlah RM77.61 juta atau 131.9%. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2008 mencatatkan peningkatan sejumlah RM4.70 juta atau 1.7% manakala Akaun Kena Bayar berkurangan sejumlah RM5.19 juta atau 30.7%. Baki Pinjaman Boleh Dituntut dari Agensi Negeri berjumlah RM363.19 juta manakala tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM67.72 juta. Jumlah hutang awam meningkat sejumlah RM289.79 juta atau 15.7%.

### **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

3. Sehingga akhir tahun 2008, sebanyak 708 projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) telah dirancang untuk dilaksanakan oleh lapan Jabatan/Agensi. Pada keseluruhannya sebanyak 695 projek atau 98.2% daripada 708 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Sejumlah RM294.71 juta atau 84.6% daripada RM348.33 juta peruntukan telah dibelanjakan oleh lapan Jabatan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Jumlah ini merupakan 31.4% daripada keseluruhan peruntukan bagi RMKe-9 iaitu sejumlah RM938.10 juta.

#### **BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

4. Pada tahun 2008, pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti telah dijalankan di 12 buah Jabatan/Agensi Negeri terdiri dari tujuh Jabatan Negeri, tiga Agensi Negeri dan dua Pihak Berkuasa Tempatan berbanding tahun 2007, tiga Jabatan dan tiga Agensi Negeri telah dipilih untuk pengauditan ini. Pencapaian pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri Sembilan pada tahun 2008 bertambah baik di mana dua Jabatan / Agensi telah mencapai tahap sangat baik dan 10 Jabatan / Agensi mencapai tahap baik. Ini menunjukkan peningkatan pencapaian pengurusan kewangan berbanding pada tahun 2007 di mana kesemua enam Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah pada tahap baik. Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah-langkah penambahbaikan dijalankan oleh Jabatan/Agensi seperti mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.

#### **BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

5. Pada tahun 2008, penyerahan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri Sembilan adalah baik di mana kesemua Agensi Kerajaan Negeri telah dapat menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2008 masing-masing untuk diaudit. Kesemua 14 Penyata Kewangan tahun 2007 telah diterima dan diberi Sijil Tanpa Teguran berbanding tahun 2006, di mana sebanyak 12 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan dua Sijil Berteguran. Sehingga Mei 2009, semua Penyata Kewangan berserta Sijil Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kecuali Penyata Kewangan tahun 2007 bagi Yayasan Negeri Sembilan.

#### **BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUSA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

6. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2007 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 26 November 2008. Sepanjang tahun 2008, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat lima kali dan membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 bagi pengurusan kewangan Majlis Sukan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Majlis Perbandaran Port Dickson, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pertanian Negeri.



**BAHAGIAN I  
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2008**

**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

## 1. PENDAHULUAN

**1.1** Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

**1.2** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 kepada Ketua Audit Negara pada **27 Februari 2009**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai ubahsuai bagi tahun 2008 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

**1.2.1** Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan am dan pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.2.2** Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2008. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

**1.2.3** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, dan Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

## **2. OBJEKTIF DAN KADEAH PENGAUDITAN**

**2.1** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**2.2** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2008. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Sembilan dan Jabatan Negeri melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

## **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VI**.



## **BAHAGIAN II**

# **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**BAHAGIAN II**  
**ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

#### 4. ANALISIS KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2008, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum Aset, Penyata Akaun Memorandum Liabiliti dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

##### 4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

**4.1.1** Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2008 adalah RM175.64 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM152.24 juta dan pelaburan sejumlah RM23.40 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Butiran                                  | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |              |
|---------------|--|-------------------|-------------------|-----------------------------|--------------|
|               |  | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)          |
| 1.            | Akaun Hasil Disatukan                    | 95.02             | 79.42             | (15.60)                     | (16.4)       |
| 2.            | Akaun Pinjaman Disatukan                 | 0.00              | 0.00              | 0.00                        | 0.0          |
| 3.            | Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada: | 96.60             | 96.22             | (0.38)                      | (0.4)        |
|               | i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan         | (212.87)          | (229.02)          | (16.15)                     | (7.6)        |
|               | Kumpulan Wang Pembangunan                | (190.69)          | (206.39)          | (15.70)                     | (8.2)        |
|               | Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan   | 137.00            | 136.55            | (0.45)                      | (0.3)        |
|               | Kumpulan Wang Bekalan Air                | (159.18)          | (159.18)          | 0.00                        | 0.0          |
|               | ii) Kumpulan Wang Amanah Awam            | 239.57            | 253.50            | 13.93                       | 5.8          |
|               | iii) Akaun Wang Deposit                  | 69.90             | 71.74             | 1.84                        | 2.6          |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>191.62</b>     | <b>175.64</b>     | <b>(15.98)</b>              | <b>(8.3)</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**4.1.2** Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami penurunan sejumlah RM15.98 juta atau 8.3% iaitu daripada RM191.62 juta pada tahun 2007 menjadi RM175.64 juta pada tahun 2008. Penurunan ini antara lain disebabkan oleh penurunan Akaun Hasil Disatukan kepada RM79.42 juta atau 16.4% pada tahun 2008 berbanding RM95.02 juta pada tahun 2007. Analisis Audit terhadap kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2008 berbanding 2007 mendapati perkara berikut:

- a) Penurunan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM15.60 juta atau 16.4% antaranya adalah disebabkan oleh hasil air berjumlah RM126.68 juta tidak lagi merupakan salah satu penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri. Semua hasil air diakaunkan ke Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan.
- b) Peningkatan Kumpulan Wang Amanah Awam sejumlah RM13.93 juta atau 5.8% adalah disebabkan dua akaun amanah baru yang ditubuhkan pada tahun 2008 dan peningkatan baki akhir tahun bagi Akaun Amanah Pengurusan SPEKS, Kumpulan Wang Pembangunan Hutan, Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya, Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan dan Akaun Amanah Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

**4.1.3** Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil. | Butiran                                  | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
|------|--|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| 1.   | Akaun Hasil Disatukan                    | 187.54            | 140.59            | 115.34            | 95.02             | 79.42             |
| 2.   | Akaun Pinjaman Disatukan                 | 34.58             | 52.84             | 60.78             | 0.00              | 0.00              |
| 3.   | Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada: | (121.66)          | 101.11            | (52.49)           | 96.60             | 96.22             |
|      | i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan         | (264.27)          | (45.22)           | (224.10)          | (212.87)          | (229.02)          |
|      | Kumpulan Wang Pembangunan                | (191.23)          | (224.79)          | (205.18)          | (190.69)          | (206.39)          |
|      | Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan   | 62.84             | 323.57            | 140.26            | 137.00            | 136.55            |
|      | Kumpulan Wang Bekalan Air                | (135.88)          | (144.00)          | (159.18)          | (159.18)          | (159.18)          |
|      | ii) Kumpulan Wang Amanah Awam            | 89.66             | 89.25             | 95.53             | 239.57            | 253.50            |
|      | iii) Akaun Wang Deposit                  | 52.95             | 57.08             | 76.08             | 69.90             | 71.74             |
|      | <b>Jumlah</b>                            | <b>100.46</b>     | <b>294.54</b>     | <b>123.63</b>     | <b>191.62</b>     | <b>175.64</b>     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis Audit terhadap kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2004 hingga 2008 mendapati perkara berikut:

- a) Kumpulan Wang Disatukan mencatat prestasi tertinggi pada tahun 2005 dengan jumlah RM294.54 juta.
- b) Akaun Hasil Disatukan mengalami penurunan berterusan sejak tahun 2005. Penurunan tertinggi dicatatkan pada tahun 2005 berbanding 2004, iaitu sejumlah RM46.95 juta atau 25%.
- c) Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2008 berbaki sifar disebabkan oleh semua pinjaman yang diterima telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air (Pembangunan).

**4.1.4** Analisis Nisbah Semasa adalah untuk mengukur kedudukan kecairan tunai iaitu aset semasa untuk membiayai jumlah tanggungan semasa. Sekiranya nisbah yang dihasilkan melebihi dari 1, maka ini menunjukkan tanda yang positif dari segi kedudukan kecairan tunai sesebuah Kerajaan Negeri. Analisis Nisbah Semasa pada tahun 2008 mendapati Nisbah

Semasa Kerajaan Negeri Sembilan kurang dari 1. Nisbah yang diperoleh menunjukkan bahawa kecairan tunai Kerajaan Negeri adalah rendah untuk menampung jumlah tanggungan semasa.

## 4.2 WANG TUNAI

**4.2.1** Penyata wang tunai merupakan penyata yang menunjukkan kedudukan wang tunai dalam bank, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam tangan pada 31 Disember tahun kewangan. Wang tunai dalam bank terdiri daripada baki Akaun Semasa dan baki akaun lain yang dikhaskan untuk tujuan tertentu. Wang tunai dalam perjalanan pula adalah wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada 31 Disember. Manakala wang tunai dalam tangan terdiri daripada baki panjar wang runcit.

**4.2.2** Analisis perbandingan kedudukan baki wang tunai pada tahun 2008 dan tahun 2007 menunjukkan pengurangan berjumlah RM16.02 juta atau 9.5% kepada RM152.24 juta berbanding RM168.26 juta pada tahun 2007. Analisis perbandingan kedudukan baki wang tunai pada tahun 2008 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Baki Wang Tunai Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Butiran                     | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |              |
|---------------|-----------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|--------------|
|               |                             | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)          |
| 1.            | Wang Tunai Dalam Bank       | 163.01            | 147.20            | (15.81)                     | (9.7)        |
| 2.            | Wang Tunai Dalam Perjalanan | 5.22              | 5.00              | (0.22)                      | (4.2)        |
| 3.            | Wang Tunai Dalam Tangan     | 0.03              | 0.04              | 0.01                        | 33.3         |
| <b>Jumlah</b> |                             | <b>168.26</b>     | <b>152.24</b>     | <b>(16.02)</b>              | <b>(9.5)</b> |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan*

Pengurangan baki wang tunai pada tahun 2008 sejumlah RM16.02 juta atau 9.5% berbanding tahun 2007 adalah disebabkan baki wang tunai dalam bank berkurangan sejumlah RM15.81 juta atau 9.7% berbanding RM163.01 juta pada tahun 2007.


**4.2.3** Kedudukan baki wang tunai bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.4** dan di **Carta 4.1**.

**Jadual 4.4**  
**Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Butiran                     | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|-----------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                             | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Wang Tunai Dalam Bank       | 21.51             | (37.47)           | 90.83             | 163.01            | 147.20            |
| 2.            | Wang Tunai Dalam Perjalanan | 3.06              | 261.56            | 9.32              | 5.22              | 5.00              |
| 3.            | Wang Tunai Dalam Tangan     | 0.03              | 0.04              | 0.04              | 0.03              | 0.04              |
| <b>Jumlah</b> |                             | <b>24.60</b>      | <b>224.13</b>     | <b>100.19</b>     | <b>168.26</b>     | <b>152.24</b>     |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan*

**Carta 4.1**  
**Kedudukan Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

### 4.3 PELABURAN

Mengikut Seksyen 8(3)(b) Akta Acara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjuk dalam Lembaran Imbangan.

- 4.3.1** Pada akhir tahun 2008 pelaburan saham Kerajaan Negeri berjumlah RM23.40 juta berbanding RM23.36 juta pada tahun 2007. Kedudukan pelaburan saham Kerajaan Negeri pada tahun 2008 berbanding 2007 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Pelaburan Saham                 | Tahun             |                   | Peningkatan |            |
|---------------|---------------------------------|-------------------|-------------------|-------------|------------|
|               |                                 | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)   | (%)        |
| 1.            | Telekom Malaysia Berhad         | 3.85              | 3.85              | 0.00        | 0.0        |
| 2.            | Tenaga Nasional Berhad          | 8.06              | 8.06              | 0.00        | 0.0        |
| 3.            | Malaysia Airport Holding Berhad | 11.00             | 11.00             | 0.00        | 0.0        |
| 4.            | Amanah Saham Bank Islam         | 0.45              | 0.49              | 0.04        | 8.9        |
| <b>Jumlah</b> |                                 | <b>23.36</b>      | <b>23.40</b>      | <b>0.04</b> | <b>0.2</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Peningkatan nilai pelaburan sejumrah RM0.04 juta adalah disebabkan oleh dividen atas pelaburan Amanah Saham Bank Islam telah dipokokkan pada tahun 2008. Sejumrah RM1.78 juta yang merupakan dividen bagi tiga pelaburan yang lain telah dikreditkan terus ke Akaun Hasil Disatukan.


**4.3.2** Kedudukan pelaburan saham Kerajaan Negeri bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.6** dan di **Carta 4.2**.

**Jadual 4.6**  
**Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Pelaburan Saham                 | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|---------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                                 | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Telekom Malaysia Berhad         | 3.85              | 3.85              | 3.85              | 3.85              | 3.85              |
| 2.            | Tenaga Nasional Berhad          | 8.05              | 8.05              | 8.05              | 8.06              | 8.06              |
| 3.            | Malaysia Airport Holding Berhad | 11.0              | 11.0              | 11.0              | 11.0              | 11.0              |
| 4.            | Amanah Saham Bank Islam         | 0.33              | 0.39              | 0.42              | 0.45              | 0.49              |
| 5.            | Kumpulan Wang Amanah            | 0.11              | 0.11              | 0.12              | 0.00              | 0.00              |
| <b>Jumlah</b> |                                 | <b>23.34</b>      | <b>23.40</b>      | <b>23.44</b>      | <b>23.36</b>      | <b>23.40</b>      |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**Carta 4.2**  
**Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

#### 4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2008 adalah berjumlah RM79.42 juta berbanding RM95.02 juta pada tahun 2007. Oleh itu berlaku pengurangan sejumlah RM15.60 juta atau 16.4%. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan mengurus dan Kerajaan Negeri mengamalkan bajet defisit pada tahun 2008. Perbelanjaan mengurus melebihi hasil yang dianggarkan sejumlah RM15.60 juta berbanding

dengan RM20.32 juta pada tahun 2007. Jumlah defisit yang dinyatakan ini ditampung oleh lebihan baki tahun 2007.

#### 4.4.1 Hasil

##### a) Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Kerajaan Negeri Sembilan memungut tiga kategori hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2008 kutipan hasil sebenar meningkat sejumlah RM40.60 juta atau 18.4% berbanding dengan anggaran yang diluluskan seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan**

| Bil.          | Kategori Hasil       | Anggaran Diluluskan (RM Juta) | Hasil Sebenar (RM Juta) | Lebihan      |             |
|---------------|----------------------|-------------------------------|-------------------------|--------------|-------------|
|               |                      |                               |                         | (RM Juta)    | (%)         |
| 1.            | Hasil Cukai          | 115.37                        | 115.52                  | 0.15         | 0.1         |
| 2.            | Hasil Bukan Cukai    | 57.32                         | 64.57                   | 7.25         | 12.6        |
| 3.            | Terimaan Bukan Hasil | 47.41                         | 80.61                   | 33.20        | 70.0        |
| <b>Jumlah</b> |                      | <b>220.10</b>                 | <b>260.70</b>           | <b>40.60</b> | <b>18.4</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Peningkatan ketara berjumlah RM80.61 juta berbanding dengan anggaran berjumlah RM47.41 juta adalah disebabkan oleh Terimaan Bukan Hasil antaranya Bayaran Balik Pinjaman, Pemberian Kiraan Kepala, Pemberian Pertumbuhan Hasil, Pemberian Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama dan Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan.

##### b) Kutipan Hasil Sebenar Tahun 2008 Berbanding Tahun 2007

Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2008 berjumlah RM260.70 juta iaitu meningkat sejumlah RM9.42 juta atau 3.7% berbanding tahun 2007 berjumlah RM251.28 juta. Peningkatan hasil tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan Terimaan Bukan Hasil sejumlah RM26.69 juta atau 49.5% pada tahun 2008 berbanding RM53.92 juta pada tahun 2007. Jumlah hasil mengikut 3 kategori adalah seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
**Kutipan Hasil Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Kategori Hasil       | Tahun          |                | Lebihan/ (Kurangan) |            |
|---------------|----------------------|----------------|----------------|---------------------|------------|
|               |                      | 2007 (RM Juta) | 2008 (RM Juta) | (RM Juta)           | (%)        |
| 1.            | Hasil Cukai          | 109.35         | 115.52         | 6.17                | 5.6        |
| 2.            | Hasil Bukan Cukai    | 88.01          | 64.57          | (23.44)             | (26.6)     |
| 3.            | Terimaan Bukan Hasil | 53.92          | 80.61          | 26.69               | 49.5       |
| <b>Jumlah</b> |                      | <b>251.28</b>  | <b>260.70</b>  | <b>9.42</b>         | <b>3.7</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**c) Prestasi Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tempoh Lima Tahun**


Kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.9** dan di **Carta 4.3**.

**Jadual 4.9**  
**Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Kategori Hasil       | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|----------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                      | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Hasil Cukai          | 73.90             | 75.51             | 100.63            | 109.35            | 115.52            |
| 2.            | Hasil Bukan Cukai    | 84.74             | 68.79             | 195.69            | 88.01             | 64.57             |
| 3.            | Terimaan Bukan Hasil | 47.11             | 42.34             | 44.87             | 53.92             | 80.61             |
| <b>Jumlah</b> |                      | <b>205.75</b>     | <b>186.64</b>     | <b>341.19</b>     | <b>251.28</b>     | <b>260.70</b>     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**Carta 4.3**  
**Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**d) Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 5 Tahun**


Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tahun 2004 hingga 2008, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah daripada kutipan Cukai Tanah, Perkhidmatan Dan Bayaran, Perolehan Dari Jualan Barang-Barang, Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit dan Terimaan Dari Agensi Kerajaan. Analisis terhadap lima butiran penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.10** dan di **Carta 4.4**.

**Jadual 4.10**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Butiran Hasil                         | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|---------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                                       | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Cukai Tanah                           | 68.14             | 70.52             | 94.85             | 102.94            | 110.16            |
| 2.            | Perkhidmatan Dan Bayaran              | 10.94             | 14.66             | 135.15            | 10.70             | 12.84             |
| 3.            | Perolehan Dari Jualan Barang-Barang   | 51.12             | 26.22             | 31.60             | 47.27             | 22.13             |
| 4.            | Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit | 7.94              | 14.98             | 11.70             | 13.42             | 12.81             |
| 5.            | Terimaan dari Agensi Kerajaan         | 45.30             | 40.38             | 43.71             | 47.14             | 60.43             |
| <b>Jumlah</b> |                                       | <b>183.44</b>     | <b>166.76</b>     | <b>317.01</b>     | <b>221.47</b>     | <b>218.37</b>     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**Carta 4.4**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis Audit mendapati bagi tahun 2004 hingga 2008, kutipan Cukai Tanah adalah merupakan penyumbang terbesar antara lima butiran hasil tersebut dengan kutipan berjumlah RM446.61 juta bagi tempoh lima tahun berkenaan. Penyumbang kedua dan ketiga terbesar adalah daripada Terimaan Dari Agensi Kerajaan dan Perkhidmatan Dan Bayaran yang berjumlah RM236.96 juta dan RM184.29 juta masing-masing bagi tempoh lima tahun berkenaan.

Peningkatan hasil yang ketara pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

**Jadual 4.11**  
**Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Butiran Hasil                 | Tahun          |                | Peningkatan  |             | Punca Peningkatan  |
|---------------|-------------------------------|----------------|----------------|--------------|-------------|--|
|               |                               | 2007 (RM Juta) | 2008 (RM Juta) | (RM Juta)    | (%)         |  |
| 1.            | Pulangan Balik Perbelanjaan   | 5.82           | 19.98          | 14.16        | 243.3       | Cek terbatas kredit ke hasil, lebihan akaun amanah yang dikredit ke hasil, bayaran balik pendahuluan kepada JBA.   |
| 2.            | Terimaan Dari Agensi Kerajaan | 47.14          | 60.43          | 13.29        | 28.2        | Bayaran Balik Pinjaman, Pemberian Kiraan Kepala, Pemberian Pertumbuhan Hasil, Pemberian Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama, Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan. |
| 3.            | Cukai Tanah                   | 102.94         | 110.16         | 7.22         | 7.0         | Tindakan penguatkuasaan pembayaran cukai sebelum 31 Mei oleh Pejabat Tanah.  |
| 4.            | Perkhidmatan Dan Bayaran      | 10.70          | 12.84          | 2.14         | 20.0        | Peningkatan kutipan bayaran iktisas.   |
| <b>Jumlah</b> |                               | <b>166.60</b>  | <b>203.41</b>  | <b>36.81</b> | <b>22.1</b> |  |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

#### 4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Pemilikan Harta Modal, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Pelbagai Perbelanjaan. Perbelanjaan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2008 ialah RM326.69 juta. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM10.53 juta dan menjadikan peruntukan muktamad bagi tahun 2008 berjumlah RM337.22 juta. Peruntukan perbelanjaan mengurus ini telah meningkat sejumlah RM39.09 juta atau 13.1% kepada RM337.22 juta pada tahun 2008 berbanding RM298.13 juta pada tahun 2007. Daripada jumlah RM337.22 juta ini, sejumlah RM276.30 juta atau 82% telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM4.70 juta atau 1.7% kepada RM276.30 juta pada tahun 2008 berbanding RM271.60 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan perbelanjaan mengurus di bawah butiran Emolumen dan Perbelanjaan Lain meningkat kepada RM99.51 juta pada tahun 2008 berbanding RM80.84 juta pada tahun 2007. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2007 dan 2008 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.12**.

**Jadual 4.12**  
**Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Maksud Perbelanjaan                | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |            |
|---------------|------------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|------------|
|               |                                    | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)        |
| 1.            | Emolumen                           | 79.74             | 96.45             | 16.71                       | 21.0       |
| 2.            | Perkhidmatan Dan Bekalan           | 71.99             | 71.36             | (0.63)                      | (0.9)      |
| 3.            | Aset                               | 6.37              | 3.99              | (2.38)                      | (37.4)     |
| 4.            | Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 112.40            | 101.44            | (10.96)                     | (9.8)      |
| 5.            | Perbelanjaan Lain                  | 1.10              | 3.06              | 1.96                        | 178.2      |
| <b>Jumlah</b> |                                    | <b>271.60</b>     | <b>276.30</b>     | <b>4.70</b>                 | <b>1.7</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis Audit menunjukkan dua maksud perbelanjaan iaitu Emolumen dan Perbelanjaan Lain menunjukkan peningkatan sejumlah RM16.71 juta dan RM1.96 juta masing-masing. Manakala tiga maksud perbelanjaan yang lain iaitu Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset serta Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap mengalami penurunan. Perbelanjaan Emolumen meningkat dengan ketara melebihi 20% pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah disebabkan oleh pembayaran bonus kepada kakitangan awam. Peningkatan/penurunan Perbelanjaan Mengurus yang ketara pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 4.13**.

**Jadual 4.13**  
**Peningkatan/Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara Pada Tahun 2008 Berbanding Tahun 2007**

| Bil.          | Maksud<br>Perbelanjaan                   | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |            | Punca Peningkatan/<br>(Penurunan)   |
|---------------|--|-------------------|-------------------|-----------------------------|------------|---|
|               |  | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)        |   |
| 1.            | Emolumen                                 | 79.74             | 96.45             | 16.71                       | 21.0       | Pembayaran bonus kakitangan awam.   |
| 2.            | Perkhidmatan<br>Dan Bekalan              | 71.99             | 71.36             | (0.63)                      | (0.9)      | Langkah penjimatatan dan perbelanjaan berhemat yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri. |
| 3.            | Aset                                     | 6.37              | 3.99              | (2.38)                      | (37.4)     | Langkah penjimatatan dan perbelanjaan berhemat yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri. |
| 4.            | Pemberian Dan<br>Kenaan Bayaran<br>Tetap | 112.40            | 101.44            | (10.96)                     | (9.8)      | Pemberian kepada Agensi Negeri dibuat mengikut keperluan.                           |
| 5.            | Perbelanjaan Lain                        | 1.10              | 3.06              | 1.96                        | 178.2      | Bayaran balik hasil, bayaran atas perintah mahkamah dan pelbagai yuran.             |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>271.60</b>     | <b>276.30</b>     | <b>4.70</b>                 | <b>1.7</b> |   |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan


Analisis perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun iaitu tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.14** dan di **Carta 4.5**.

**Jadual 4.14**  
**Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Maksud Perbelanjaan                | Tahun          |                |                |                |                |
|---------------|------------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|               |                                    | 2004 (RM Juta) | 2005 (RM Juta) | 2006 (RM Juta) | 2007 (RM Juta) | 2008 (RM Juta) |
| 1.            | Emolumen                           | 62.66          | 67.36          | 72.35          | 79.74          | 96.45          |
| 2.            | Perkhidmatan Dan Bekalan           | 48.35          | 56.76          | 63.40          | 71.99          | 71.36          |
| 3.            | Aset                               | 2.77           | 8.96           | 5.43           | 6.37           | 3.99           |
| 4.            | Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 138.53         | 94.45          | 222.20         | 112.40         | 101.44         |
| 5.            | Perbelanjaan Lain                  | 0.94           | 6.06           | 3.08           | 1.10           | 3.06           |
| <b>Jumlah</b> |                                    | <b>253.25</b>  | <b>233.59</b>  | <b>366.46</b>  | <b>271.60</b>  | <b>276.30</b>  |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**Carta 4.5**  
**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

#### 4.4.3 Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

Analisis terhadap prestasi kewangan Akaun Hasil Disatukan mengambil kira perbandingan antara hasil dengan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh perakaunan semasa dan tahun sebelumnya untuk mengukur lebihan atau defisit bagi Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2008, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatat defisit sejumlah RM15.60 juta berbanding defisit sejumlah RM20.32 juta pada tahun 2007 seperti di

**Jadual 4.15.** Pengurangan defisit ini adalah disebabkan peningkatan hasil berjumlah RM9.42 juta di samping amalan perbelanjaan berhemat oleh Kerajaan Negeri.

**Jadual 4.15**  
**Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan**  
**Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.           | Butiran               | Tahun             |                   | Peningkatan |             |
|----------------|-----------------------|-------------------|-------------------|-------------|-------------|
|                |                       | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)   | (%)         |
| 1.             | Hasil                 | 251.28            | 260.70            | 9.42        | 3.8         |
| 2.             | Perbelanjaan Mengurus | 271.60            | 276.30            | 4.70        | 1.7         |
| <b>Defisit</b> |                       | <b>(20.32)</b>    | <b>(15.60)</b>    | <b>4.72</b> | <b>23.2</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Manakala analisis perbandingan pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2004 hingga 2008 menunjukkan Kerajaan Negeri mengalami defisit bagi lima tahun berturut-turut. Bagaimanapun, defisit ini berkurangan sejak tahun 2004. Prestasi hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.16**.

**Jadual 4.16**  
**Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil. | Perkara               | Tahun          |                |                |                |                |
|------|-----------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|      |                       | 2004           | 2005           | 2006           | 2007           | 2008           |
| 1.   | Hasil                 | 205.75         | 186.64         | 341.19         | 251.28         | 260.70         |
| 2.   | Perbelanjaan Mengurus | 253.25         | 233.59         | 366.46         | 271.60         | 276.30         |
|      | <b>Defisit</b>        | <b>(47.50)</b> | <b>(46.95)</b> | <b>(25.27)</b> | <b>(20.32)</b> | <b>(15.60)</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

#### 4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran balik pinjaman diakaunkan. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Acara Kewangan 1957.

**4.5.1** Akaun Pinjaman Disatukan adalah untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima. Pada akhir tahun 2008, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar kerana semua pinjaman yang diterima telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air (Pembangunan). Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2008 berbanding 2007 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

**Jadual 4.17**  
**Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Perkara                      | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |            |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|------------|
|                              | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)        |
| Baki Pada 1 Januari          | 60.78             | 0.00              | (60.78)                     | (100.0)    |
| Terimaan                     | 150.91            | 291.98            | 141.07                      | 93.5       |
| Bayaran                      | 211.69            | 291.98            | 80.29                       | 37.9       |
| <b>Baki Pada 31 Disember</b> | <b>0.00</b>       | <b>0.00</b>       | <b>0.00</b>                 | <b>0.0</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**4.5.2** Kedudukan baki pinjaman mengikut kategori pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

**Jadual 4.18**  
**Baki Pinjaman Mengikut Kategori Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Pinjaman                                       | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |             |
|---------------|--|-------------------|-------------------|-----------------------------|-------------|
|               |  | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)         |
| 1.            | Rancangan Bekalan Air                          | 1,337.07          | 1,619.05          | 281.98                      | 21.1        |
| 2.            | Perumahan Awam Kos Rendah                      | 114.01            | 112.57            | (1.44)                      | (1.3)       |
| 3.            | Perbadanan Kemajuan Negeri,<br>Negeri Sembilan | 32.86             | 32.86             | 0.00                        | 0.0         |
| 4.            | Pelbagai                                       | 363.02            | 372.55            | 9.53                        | 2.6         |
| 5.            | Projek Ladang Hutan                            | 1.88              | 1.60              | (0.28)                      | (14.9)      |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>1,848.84</b>   | <b>2,138.63</b>   | <b>289.79</b>               | <b>15.7</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**4.5.3** Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman baru berjumlah RM291.98 juta pada tahun 2008. Sejumlah RM281.98 juta merupakan pinjaman bagi empat projek Bekalan Air iaitu Skim Bekalan Air Triang Daerah Seremban, Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil, Skim Bekalan Air Batu Hampar Bagi Daerah Port Dickson Dan Rembau dan Membaik pulih Dan Menaik taraf Loji Rawatan Air Negeri Sembilan. Manakala RM10 juta adalah bagi Pinjaman Pelbagai. Terimaan pinjaman ini diakaunkan ke akaun pinjaman dan Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air (Pembangunan). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.19**.

**Jadual 4.19**  
**Pinjaman Yang Diterima Oleh Kerajaan Negeri Pada Tahun 2008**

| Bil.          | Pinjaman          | Jumlah<br>(RM Juta) | Bil. Projek<br>Terlibat |
|---------------|-------------------|---------------------|-------------------------|
| 1.            | Bekalan Air       | 281.98              | 4                       |
| 2.            | Pinjaman Pelbagai | 10.00               | 2                       |
| <b>Jumlah</b> |                   | <b>291.98</b>       | <b>6</b>                |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**4.5.4** Kedudukan baki pinjaman bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

**Jadual 4.20**  
**Kedudukan Baki Pinjaman Kerajaan Negeri Daripada Kerajaan Persekutuan  
Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Pinjaman                                    | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|---|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |   | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Rancangan Bekalan Air                       | 1,136.73          | 1,185.73          | 1,196.75          | 1,337.07          | 1,619.05          |
| 2.            | Perumahan Awam Kos Rendah                   | 110.10            | 115.05            | 114.99            | 114.01            | 112.57            |
| 3.            | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 32.61             | 32.86             | 32.86             | 32.86             | 32.86             |
| 4.            | Pelbagai                                    | 58.08             | 308.08            | 340.99            | 363.02            | 372.55            |
| 5.            | Projek Ladang Hutan                         | 2.65              | 2.53              | 2.15              | 1.88              | 1.60              |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>1,340.17</b>   | <b>1,644.25</b>   | <b>1,687.74</b>   | <b>1,848.84</b>   | <b>2,138.63</b>   |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**4.5.5** Pada akhir tahun 2008 bayaran balik pinjaman berjumlah RM16.26 juta telah dibuat bagi 23 pinjaman. Bayaran balik pinjaman ini terdiri daripada bayaran balik pokok berjumlah RM2.19 juta dan bayaran balik faedah berjumlah RM14.07 juta.

## **4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Suratcara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Pada akhir tahun 2008 baki Kumpulan Wang ini berkurangan sejumlah RM0.38 juta atau 0.4% kepada RM96.22 juta berbanding RM96.60 juta pada tahun 2007.

### **4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta Acara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada akhir tahun 2008 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengalami peningkatan defisit sejumlah RM16.15 juta kepada RM229.02 juta berbanding RM212.87 juta pada akhir tahun 2007. Peningkatan defisit ini adalah disebabkan peningkatan defisit Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM15.70 juta pada akhir tahun 2008.

#### **a) Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan diakaunkan ke Akaun Amanah Disatukan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian dan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan serta bayaran balik pokok bagi sewa Rumah Awam Kos Rendah. Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.

- i) Pada akhir tahun 2008, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan peningkatan baki defisit sejumlah RM15.70 juta atau 8.2% berbanding defisit berjumlah RM190.69 juta pada tahun 2007. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 4.21**. Sumber terimaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti di **Jadual 4.22**.

**Jadual 4.21**

**Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Perkara                      | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |              |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|--------------|
|                              | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)          |
| Baki Pada 1 Januari          | (205.19)          | (190.69)          | 14.50                       | 7.1          |
| Terimaan                     | 106.09            | 96.21             | (9.88)                      | (9.3)        |
| Perbelanjaan                 | 91.59             | 111.91            | 20.32                       | 22.2         |
| Lebihan/(Defisit)            | 14.50             | (15.70)           | (30.20)                     | (208.3)      |
| <b>Baki Pada 31 Disember</b> | <b>(190.69)</b>   | <b>(206.39)</b>   | <b>(15.70)</b>              | <b>(8.2)</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**Jadual 4.22**  
**Sumber Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2008**

| Bil.          | Sumber Terimaan  | Jumlah<br>(RM Juta) |
|---------------|--|---------------------|
| 1.            | Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan                       | 10.00               |
| 2.            | Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan                          | 50.00               |
| 3.            | Pindahan Dari Akaun Amanah                                   | 10.59               |
| 4.            | Pemberian Pertumbuhan Hasil Bahagian II                      | 4.31                |
| 5.            | Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup | 18.50               |
| 6.            | Bayaran Balik Sewa Rumah Awam Kos Rendah                     | 2.81                |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>96.21</b>        |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- ii) Analisis terhadap perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2008 berbanding tahun 2007 menunjukkan tujuh maksud perbelanjaan pembangunan yang melibatkan empat Jabatan mengalami peningkatan perbelanjaan antara 0.4% hingga 725.6%. Manakala sebanyak tujuh maksud perbelanjaan yang melibatkan lima Jabatan mengalami penurunan perbelanjaan antara 4.1% hingga 29.9%.
- iii) Semakan Audit mendapati dua maksud perbelanjaan pembangunan yang melibatkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengalami peningkatan perbelanjaan antara 34.5% hingga 725.6% pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Projek yang terlibat adalah Kerja-kerja Kecil dan Bangunan Kerajaan masing-masing berjumlah RM7.76 juta dan RM23.20 juta. Butir-butir perbelanjaan pembangunan adalah seperti di **Jadual 4.23**.

**Jadual 4.23**  
**Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Jabatan  | Tahun             |                   | Peningkatan Perbelanjaan |              | Punca Peningkatan  |
|---------------|--|-------------------|-------------------|--------------------------|--------------|--|
|               |  | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                | (%)          |  |
| 1.            | Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerja-kerja Kecil) | 5.77              | 7.76              | 1.99                     | 34.5         | Pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Projek Kecil ADUN. |
| 2.            | Setiausaha Kerajaan Negeri (Bangunan Kerajaan) | 2.81              | 23.20             | 20.39                    | 725.6        | Pelaksanaan Projek Ubahsuai Bangunan Kerajaan.                         |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>8.58</b>       | <b>30.96</b>      | <b>22.38</b>             | <b>260.8</b> |  |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- iv) Tiga maksud perbelanjaan pembangunan mengalami penurunan perbelanjaan yang ketara iaitu 21.2% hingga 29.9% pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Penurunan ini adalah disebabkan oleh peruntukan bagi maksud perbelanjaan Rancangan Tebatan Banjir Negeri Sembilan yang melibatkan Jabatan Pengairan Dan Saliran dibelanjakan kurang daripada 50%. Selain itu, dua maksud perbelanjaan yang melibatkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengalami penurunan perbelanjaan yang ketara disebabkan oleh pengurangan peruntukan pada tahun 2008 dan masalah pengambilan balik tanah serta penangguhan pembinaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah. Butir-butir adalah seperti di **Jadual 4.24**.

**Jadual 4.24**  
**Penurunan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara**  
**Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Jabatan                                  | Tahun             |                   | Penurunan Perbelanjaan |             | Punca Penurunan   |
|---------------|--|-------------------|-------------------|------------------------|-------------|---|
|               |  | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)              | (%)         |   |
| 1.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran            | 10.66             | 8.40              | 2.26                   | 21.2        | Projek telah siap masih mempunyai baki peruntukan.  |
| 2.            | Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan)   | 5.41              | 4.02              | 1.39                   | 25.7        | Masalah pengambilan balik tanah bagi tapak pelupusan sisa pepejal dan penangguhan pembinaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah. |
| 3.            | Setiausaha Kerajaan Negeri (Pelancongan) | 6.35              | 4.45              | 1.9                    | 29.9        | Pembatalan projek pelancongan.  |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>22.42</b>      | <b>16.87</b>      | <b>5.55</b>            | <b>24.8</b> |   |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**b) Kumpulan Wang Bekalan Air**

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 1960. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan. Mulai tahun 2007, semua urus niaga mengenai bekalan air tidak lagi dibuat melalui Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air sebaliknya diakaunkan ke Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan. Kedudukan baki Kumpulan Wang ini bagi tahun 2008 tidak berubah berbanding tahun 2007 iaitu berbaki debit sejumlah RM159.18 juta.

**c) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai. Pada akhir tahun 2008, baki Kumpulan Wang ini menurun sejumlah RM0.45 juta atau 0.4% menjadi RM136.55 juta berbanding RM137 juta pada tahun 2007. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2008 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 4.25**.

**Jadual 4.25**  
**Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**  
**Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Akaun Amanah              | Tahun             |                   | Peningkatan/(Penurunan) |              |
|---------------|---------------------------|-------------------|-------------------|-------------------------|--------------|
|               |                           | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)               | (%)          |
| 1.            | Akaun Penyelesaian        | 76.90             | 78.59             | 1.69                    | 2.2          |
| 2.            | Akaun Pinjaman            | 20.20             | 20.40             | 0.20                    | 1.0          |
| 3.            | Akaun Perniagaan          | 2.10              | 2.10              | 0.00                    | 0.0          |
| 4.            | Pelbagai Kumpulan Wang    | 18.89             | 21.74             | 2.85                    | 15.1         |
| 5.            | Kumpulan Wang Luar Jangka | 2.00              | 2.00              | 0.00                    | 0.0          |
| 6.            | Akaun Kena Bayar          | 16.91             | 11.72             | (5.19)                  | (30.7)       |
| <b>Jumlah</b> |                           | <b>137.00</b>     | <b>136.55</b>     | <b>(0.45)</b>           | <b>(0.4)</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

### i) Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang diperolehi sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2008, jumlah Akaun Kena Bayar telah berkurangan sejumlah RM5.19 juta atau 30.7% kepada RM11.72 juta berbanding RM16.91 juta pada tahun 2007. Analisis Audit mendapati perbelanjaan yang terlibat adalah bayaran Tuntutan Perjalanan dan Elaun Lebih Masa bulan Disember 2008, Bayaran Utiliti, Perbelanjaan Pembangunan, Bekalan Peralatan Pejabat, Penyenggaraan dan Pembelian Aset. Analisis peningkatan dan penurunan perbelanjaan Akaun Kena Bayar tahun 2008 berbanding 2007 adalah seperti di **Jadual 4.26**.

**Jadual 4.26**  
**Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Jabatan                               | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |               |
|---------------|---------------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|---------------|
|               |                                       | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)           |
| 1.            | Pejabat Setiausaha Kerajaan           | 4.09              | 5.24              | 1.15                        | 28.1          |
| 2.            | Jabatan Kerja Raya                    | 2.43              | 1.99              | (0.44)                      | (18.1)        |
| 3.            | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam         | 2.82              | 1.94              | (0.88)                      | (31.2)        |
| 4.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran         | 1.52              | 1.04              | (0.48)                      | (31.6)        |
| 5.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson | 0.53              | 0.41              | (0.12)                      | (22.6)        |
| 6.            | Jabatan Perhutanan Negeri             | 0.61              | 0.19              | (0.42)                      | (68.8)        |
| 7.            | Pejabat Kewangan Negeri               | 0.53              | 0.15              | (0.38)                      | (71.7)        |
| 8.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau       | 0.51              | 0.14              | (0.37)                      | (72.6)        |
| 9.            | Jabatan Perkhidmatan Veterinar        | 0.97              | 0.10              | (0.87)                      | (89.7)        |
| 10.           | Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban     | 0.09              | 0.10              | 0.01                        | 11.1          |
| 11.           | Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas  | 0.31              | 0.09              | (0.22)                      | (71.0)        |
| 12.           | Jabatan Pertanian                     | 0.76              | 0.08              | (0.68)                      | (89.5)        |
| 13.           | Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol       | 0.15              | 0.05              | (0.10)                      | (66.7)        |
| 14.           | Jabatan Perancang Bandar Dan Desa     | 0.38              | 0.03              | (0.35)                      | (92.1)        |
| 15.           | Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu       | 0.30              | 0.03              | (0.27)                      | (90.0)        |
| 16.           | Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin       | 0.27              | 0.03              | (0.24)                      | (88.9)        |
| 17.           | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah  | 0.04              | 0.03              | (0.01)                      | (25.0)        |
| 18.           | Jabatan Kebajikan Masyarakat          | 0.02              | 0.03              | 0.01                        | 50.0          |
| 19.           | Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian     | 0.41              | 0.02              | (0.39)                      | (95.1)        |
| 20.           | Jabatan Kehakiman Syariah             | 0.02              | 0.02              | 0.00                        | 0.0           |
| 21.           | Pejabat Mufti Negeri                  | 0.15              | 0.01              | (0.14)                      | (93.3)        |
| <b>Jumlah</b> |                                       | <b>16.91</b>      | <b>11.72</b>      | <b>(5.19)</b>               | <b>(30.7)</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Pada tahun 2008, sebanyak 21 Jabatan membuat pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar. Semakan Audit mendapati 17 daripada 21 Jabatan tersebut telah berjaya

mengurangkan pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar antara 18.1% hingga 93.3% kerana telah membuat pembayaran dengan lebih cekap iaitu dalam tempoh 14 hari. Selain itu, tiga Jabatan menunjukkan peningkatan Akaun Kena Bayar antara 11.1% hingga 50%. Empat Jabatan menunjukkan pembayaran Akaun Kena Bayar tertinggi iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM5.24 juta atau 44.7%, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM1.99 juta atau 17%, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam berjumlah RM1.94 juta atau 16.6% dan Jabatan Pengairan dan Saliran berjumlah RM1.04 juta atau 8.9%. Analisis perbandingan Akaun Kena Bayar bagi tempoh 5 tahun menunjukkan ada peningkatan dan penurunan berselang tahun seperti yang ditunjukkan di **Jadual 4.27**.

**Jadual 4.27**  
**Kedudukan Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Perkara          | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|                  | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| Akaun Kena Bayar | 21.66             | 275.70            | 35.62             | 16.91             | 11.72             |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis perbandingan antara jumlah perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2008 berbanding perbelanjaan Akaun Kena Bayar pada tahun 2008 mendapati perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM4.70 juta berbanding Akaun Kena Bayar mencatatkan penurunan sejumlah RM5.19 juta.

#### 4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini mengakaunkan terimaan dari Kerajaan Persekutuan dan orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri. Sebanyak 25 Akaun Amanah Awam diselenggara pada tahun 2008. Pada akhir tahun 2008 baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM13.93 juta atau 5.8% kepada RM253.50 juta berbanding RM239.57 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan oleh pewujudan dua akaun amanah yang baru berjumlah RM0.25 juta dan peningkatan serta penurunan urus niaga akaun amanah yang lain. Akaun amanah yang diwujudkan pada tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

**Jadual 4.28**  
**Kumpulan Wang Amanah Awam Yang Ditubuhkan Pada Tahun 2008**

| Bil.          | Akaun Amanah  | Baki Pada 31 Disember 2008<br>(RM) |
|---------------|---|------------------------------------|
| 1.            | Akaun Amanah Hari Peladang, Penterak Dan Nelayan Negeri Sembilan Dan Kebangsaan/ MAHA | 249,947                            |
| 2.            | Tabung Amanah Jaringan Sosial Negeri Sembilan   | 4,650                              |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>254,597</b>                     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

##### a) Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

Pada tahun 2008 sejumlah RM128.82 juta bagi maksud pemberian jalan raya negeri telah diakaunkan ke Akaun Amanah ini. Akaun Amanah ini digunakan untuk membayai kos penyenggaraan semua jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan. Baki Akaun Amanah ini meningkat sejumlah RM62.77 juta atau 115.4% menjadi RM117.17 juta pada tahun 2008 berbanding RM54.40 juta pada tahun 2007.

Kedudukan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri pada tahun 2008 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

**Jadual 4.29**  
**Kedudukan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri**  
**Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Perkara                          | Tahun             |                   | Peningkatan  |              |
|----------------------------------|-------------------|-------------------|--------------|--------------|
|                                  | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)    | (%)          |
| Baki Akaun Amanah Pada 1 Januari | 40.66             | 54.40             | 13.74        | 33.8         |
| Terimaan                         | 95.10             | 166.83            | 71.73        | 75.4         |
| Bayaran                          | 81.36             | 104.06            | 22.70        | 27.9         |
| <b>Baki Pada 31 Disember</b>     | <b>54.40</b>      | <b>117.17</b>     | <b>62.77</b> | <b>115.4</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Baki Akaun Amanah ini bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

**Jadual 4.30**  
**Kedudukan Baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri**  
**Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Perkara                          | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|----------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|                                  | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| Baki Akaun Amanah Pada 1 Januari | 31.56             | 36.97             | 36.21             | 40.66             | 54.40             |
| Terimaan                         | 93.39             | 61.95             | 61.44             | 95.10             | 166.83            |
| Bayaran                          | 87.98             | 62.71             | 56.99             | 81.36             | 104.06            |
| <b>Baki Pada 31 Disember</b>     | <b>36.97</b>      | <b>36.21</b>      | <b>40.66</b>      | <b>54.40</b>      | <b>117.17</b>     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

### b) Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air

Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan menyelenggara empat akaun amanah iaitu Akaun Amanah Menambah Kapasiti Sistem Pam Di Bukit Mendum, Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan, Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air (Pembangunan) yang ditubuhkan pada tahun 2007 dan Projek Usahasama Binaan Kolam Dan Paip Utama Port Dickson yang telah lama diwujudkan. Sumber dana bagi akaun tersebut adalah daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Akaun tersebut ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 dan ditunjukkan di Penyata Kumpulan Wang Amanah Awam.

#### i) Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan

Akaun ini telah ditubuhkan bagi maksud membiayai kos operasi tidak termasuk kos pembangunan bagi Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan sementara menunggu urusan pengkorporatan Jabatan Bekalan Air. Pada tahun 2008, sejumlah RM126.68 juta hasil jualan air telah diakaunkan ke Akaun Amanah ini.

#### ii) Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air (Pembangunan)

Akaun ini telah ditubuhkan bagi maksud membiayai kos pembangunan Jabatan Bekalan Air. Sumber dana bagi Akaun ini adalah Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2008 baki Akaun ini berjumlah RM62.22 juta.

**iii) Akaun Amanah Menambah Kapasiti Sistem Pam Di Bukit Mendum, Seremban**

Baki Akaun ini pada 1 Januari 2008 adalah sejumlah RM22.20 juta yang merupakan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan. Sejumlah RM16.10 juta telah dibelanjakan dalam tahun 2008 dan baki pada akhir tahun 2008 berjumlah RM6.10 juta.

**iv) Akaun Projek Usahasama Binaan Kolam Dan Paip Utama Port Dickson**

Akaun Amanah ini ditubuhkan bertujuan membiayai kos bagi kerja pemasangan paip air dan kolam simpanan dari Jalan Port Dickson, Simpang Sepang dan Lukut. Pada tahun 2008 sejumlah RM0.21 juta telah dibelanjakan. Baki Akaun ini pada akhir tahun 2008 berjumlah RM4 juta.

**c) Akaun Amanah Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Negeri Sembilan Dan Kebangsaan/MAHA**

Akaun Amanah ini ditubuhkan bertujuan mengakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan di bawah program Sambutan Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri, Kebangsaan dan MAHA. Akaun ini dikendalikan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri. Sumber dana Akaun Amanah ini adalah melalui sumbangan Kerajaan Negeri, sumbangan Kerajaan Persekutuan dan sumbangan awam, swasta dan individu. Pada tahun 2008 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM0.22 juta bagi tujuan Akaun Amanah ini. Pada akhir tahun 2008 baki Akaun ini adalah berjumlah RM0.25 juta.

**d) Tabung Amanah Jaringan Sosial Negeri Sembilan**

Tabung Amanah ini ditubuhkan bagi membiayai bantuan kewangan dan bantuan-bantuan lain kepada golongan miskin dan miskin tegar di Negeri Sembilan. Sumber dana Tabung Amanah ini adalah melalui sumbangan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, pihak swasta, individu dan pertubuhan sukarela. Pada akhir tahun 2008 baki Akaun ini berjumlah RM4,650.

**4.6.3. Wang Deposit**

Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Senarai baki deposit hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dan salinan kepada Jabatan Audit Negara pada akhir bulan Disember setiap tahun.

- a)** Pada akhir tahun 2008, Kerajaan Negeri menyelenggara 12 jenis deposit bagi 21 jabatan. Baki deposit pada akhir tahun 2008 telah meningkat sejumlah RM1.84 juta atau 2.6% kepada RM71.74 juta berbanding RM69.90 juta pada tahun 2007. Semakan Audit mendapati semua penyata deposit pada 31 Disember 2008 telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri. Kedudukan baki Wang Deposit pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

**Jadual 4.31**  
**Kedudukan Baki Wang Deposit Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Deposit                          | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |            |
|---------------|----------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|------------|
|               |                                  | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)        |
| 1.            | Deposit Am Jabatan Negeri        | 23.15             | 23.05             | (0.1)                       | (0.4)      |
| 2.            | Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 5.51              | 5.98              | 0.47                        | 8.5        |
| 3.            | Lain-lain Deposit                | 41.24             | 42.71             | 1.47                        | 3.6        |
| <b>Jumlah</b> |                                  | <b>69.90</b>      | <b>71.74</b>      | <b>1.84</b>                 | <b>2.6</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- b) Kedudukan baki wang deposit bagi tahun 2004 hingga tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.32**.

**Jadual 4.32**  
**Kedudukan Baki Wang Deposit Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Deposit                          | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|----------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                                  | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Deposit Am Jabatan Negeri        | 11.44             | 13.02             | 29.21             | 23.15             | 23.05             |
| 2.            | Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 4.68              | 5.37              | 6.33              | 5.51              | 5.98              |
| 3.            | Lain-lain Deposit                | 36.83             | 38.69             | 40.54             | 41.24             | 42.71             |
| <b>Jumlah</b> |                                  | <b>52.95</b>      | <b>57.08</b>      | <b>76.08</b>      | <b>69.90</b>      | <b>71.74</b>      |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

#### 4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara dan berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan terimaan dan pembayaran serta kesetaraan tunai. Terimaan terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan amanah lain. Pembayaran pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal serta amanah dan deposit. Pada akhir tahun 2008, baki wang tunai berkurang sejumlah RM16.02 juta atau 9.5% kepada RM152.24 juta berbanding RM168.26 juta pada tahun 2007.

**4.7.1** Analisis Audit menunjukkan sumber dana Kerajaan Negeri pada tahun 2008 berjumlah RM2.64 bilion terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dan pelbagai terimaan amanah. Sejumlah RM2.65 bilion telah digunakan untuk pembayaran bagi perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal serta amanah dan deposit. Pada akhir tahun 2008, baki wang tunai berkurang sejumlah RM16.02 juta atau 9.5% kepada RM152.24 juta berbanding RM168.26 juta pada tahun 2007.

**4.7.2** Pada tahun 2008 terimaan Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM197.74 juta atau 8.1% menjadi RM2.64 bilion berbanding RM2.44 bilion pada tahun 2007. Terimaan yang tertinggi adalah daripada Pelbagai Terimaan Amanah iaitu sejumlah RM2.08 bilion disebabkan oleh peningkatan urus niaga amanah.

**4.7.3** Pembayaran pada tahun 2008 juga meningkat sejumlah RM266.18 juta atau 11.1% menjadi RM2.65 bilion berbanding RM2.39 bilion pada tahun 2007. Pembayaran tertinggi adalah dari lain-lain bayaran amanah berjumlah RM2.25 bilion atau 84.8% daripada keseluruhan pembayaran wang tunai pada tahun 2008. Butiran penerimaan dan pembayaran wang tunai Kerajaan Negeri pada tahun 2008 berbanding 2007 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

**Jadual 4.33**  
**Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.                                  | Terimaan                        | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |                |
|---------------------------------------|---------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|----------------|
|                                       |                                 | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)            |
| 1.                                    | <b>Terimaan</b>                 | <b>2,440.42</b>   | <b>2,638.17</b>   | <b>197.75</b>               | <b>8.1</b>     |
|                                       | <i>Hasil Cukai</i>              | 109.35            | 115.52            | 6.17                        | 5.6            |
|                                       | <i>Hasil Bukan Cukai</i>        | 88.01             | 64.57             | (23.44)                     | (26.6)         |
|                                       | <i>Terimaan Bukan Hasil</i>     | 53.92             | 80.61             | 26.69                       | 49.5           |
|                                       | <i>Pinjaman</i>                 | 150.91            | 291.98            | 141.07                      | 93.5           |
|                                       | <i>Modal</i>                    | 0.00              | 0.00              | 0.00                        | 0.0            |
|                                       | <i>Pelbagai Terimaan Amanah</i> | 2,038.23          | 2,085.49          | 47.26                       | 2.3            |
| 2.                                    | <b>Bayaran</b>                  | <b>2,388.01</b>   | <b>2,654.19</b>   | <b>266.18</b>               | <b>11.1</b>    |
|                                       | Perbelanjaan Mengurus           | 271.60            | 276.30            | 4.70                        | 1.7            |
|                                       | Perbelanjaan Pembangunan        | 91.60             | 111.91            | 20.31                       | 22.2           |
|                                       | Perbelanjaan Modal              | 0.03              | 0.04              | 0.01                        | 33.3           |
|                                       | Bayaran Balik Pinjaman          | 211.69            | 0.00              | (211.69)                    | (100.0)        |
|                                       | Lain-lain Bayaran Amanah        | 1,813.09          | 2,265.94          | 452.85                      | 25.00          |
| <b>Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai</b> |                                 | <b>52.41</b>      | <b>(16.02)</b>    | <b>(68.43)</b>              | <b>(130.6)</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

## 4.8 AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Liabiliti dan Penyata Akaun Memorandum Aset. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam dalam dan luar negeri manakala Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut, tunggakan hasil dan pelaburan Kerajaan Negeri.

### 4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Negeri dan Syarikat dengan Kerajaan Negeri. Pinjaman yang dikeluarkan kepada agensi-agensi tersebut dibayai oleh sumber Kerajaan Negeri dan sumber Kerajaan Persekutuan. Semakan terhadap Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan sebanyak 19 projek telah diluluskan dan diberi pinjaman oleh Kerajaan Negeri dari tahun 1981 hingga 2005. Jumlah keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan kepada agensi adalah berjumlah RM394.40 juta. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2008 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

**Jadual 4.34**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Peminjam                                    | Jumlah Pinjaman (RM Juta) | Tahun          |                | Peningkatan/ (Penurunan) |              |
|---------------|---|---------------------------|----------------|----------------|--------------------------|--------------|
|               |   |                           | 2007 (RM Juta) | 2008 (RM Juta) | (RM Juta)                | (%)          |
| 1.            | <b>Badan Berkanun Negeri</b>                |                           |                |                |                          |              |
|               | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 62.00                     | 53.46          | 51.47          | (1.99)                   | (3.7)        |
|               | Yayasan Negeri Sembilan                     | 4.90                      | 2.26           | 1.66           | (0.60)                   | (26.5)       |
| 2.            | <b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>              |                           |                |                |                          |              |
|               | Majlis Perbandaran Seremban                 | 41.35                     | 38.12          | 38.12          | 0.00                     | 0.0          |
|               | Majlis Daerah Rembau                        | 1.02                      | 0.95           | 0.87           | (0.08)                   | (8.4)        |
|               | Majlis Daerah Kuala Pilah                   | 0.60                      | 0.60           | 0.54           | (0.06)                   | (10.0)       |
| 3.            | <b>Badan Lain</b>                           |                           |                |                |                          |              |
|               | Syarikat Imapro Sdn. Bhd.                   | 22.64                     | 8.64           | 8.64           | 0.00                     | 0.0          |
|               | <i>Menteri Besar Incorporated (MBI)</i>     | 261.89                    | 261.89         | 261.89         | 0.00                     | 0.0          |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>394.40</b>             | <b>365.92</b>  | <b>363.19</b>  | <b>(2.73)</b>            | <b>(0.7)</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- a) Baki pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2008 berkurang sejumlah RM2.73 juta atau 0.7% menjadi RM363.19 juta berbanding RM365.92 juta pada akhir tahun 2007. Baki ini merupakan baki pinjaman oleh dua Badan Berkanun Negeri, tiga Pihak Berkuasa Tempatan dan dua badan lain. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.35**.

**Jadual 4.35**  
**Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Peminjam                                    | Tahun          |                |                |                |                |
|---------------|---|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|               |   | 2004 (RM Juta) | 2005 (RM Juta) | 2006 (RM Juta) | 2007 (RM Juta) | 2008 (RM Juta) |
| 1.            | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 54.88          | 54.42          | 54.39          | 53.46          | 51.47          |
| 2.            | Yayasan Negeri Sembilan                     | 5.63           | 4.64           | 2.86           | 2.26           | 1.66           |
| 3.            | Majlis Perbandaran Seremban                 | 38.12          | 38.12          | 38.12          | 38.12          | 38.12          |
| 4.            | Majlis Daerah Rembau                        | 0.00           | 0.00           | 0.00           | 0.95           | 0.87           |
| 5.            | Majlis Daerah Kuala Pilah                   | 0.00           | 0.00           | 0.00           | 0.60           | 0.54           |
| 6.            | Syarikat Imapro Sdn. Bhd.                   | 8.64           | 8.64           | 8.64           | 8.64           | 8.64           |
| 7.            | <i>Menteri Besar Incorporated (MBI)</i>     | 0.00           | 250.00         | 250.00         | 261.89         | 261.89         |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>107.27</b>  | <b>355.82</b>  | <b>354.01</b>  | <b>365.92</b>  | <b>363.19</b>  |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- b) Bayaran balik pinjaman oleh Agensi Negeri pada tahun 2008 berjumlah RM13.83 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.73 juta merupakan bayaran balik

pokok manakala RM11.10 juta merupakan bayaran balik faedah. Sejumlah RM10.62 juta bayaran balik faedah telah dijelaskan oleh *Menteri Besar Incorporated*. Bagaimanapun, dua Agensi iaitu Majlis Perbandaran Seremban dan Syarikat Imapro Sdn. Bhd. tidak membuat bayaran balik pinjaman bagi tahun 2004 hingga 2008. Kedudukan bayaran balik pinjaman oleh Agensi Negeri bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

**Jadual 4.36**

**Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman Oleh Agensi Kepada Kerajaan Negeri  
Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Peminjam                                    | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|---|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |   | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 0.00              | 1.18              | 0.02              | 1.23              | 2.47              |
| 2.            | Yayasan Negeri Sembilan                     | 1.27              | 0.99              | 1.78              | 0.60              | 0.60              |
| 3.            | Majlis Perbandaran Seremban                 | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              |
| 4.            | Majlis Daerah Rembau                        | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.07              | 0.08              |
| 5.            | Majlis Daerah Kuala Pilah                   | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.06              |
| 6.            | Syarikat Imapro Sdn. Bhd.                   | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              |
| 7.            | <i>Menteri Besar Incorporated (MBI)</i>     | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 12.35             | 10.62             |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>1.27</b>       | <b>2.17</b>       | <b>1.80</b>       | <b>14.25</b>      | <b>13.83</b>      |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- c) Pada akhir tahun 2008 tunggakan bayaran balik pinjaman yang belum dijelaskan oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM67.72 juta. Jumlah ini terdiri daripada tunggakan bayaran balik pokok sejumlah RM56.62 juta dan tunggakan faedah berjumlah RM11.10 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

**Jadual 4.37**

**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut  
Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Peminjam                                    | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|---|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |   | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 47.40             | 47.45             | 49.51             | 50.36             | 51.49             |
| 2.            | Yayasan Negeri Sembilan                     | 0.00              | 0.33              | 0.00              | 0.00              | 0.00              |
| 3.            | Majlis Perbandaran Seremban                 | 4.06              | 4.51              | 4.96              | 5.41              | 5.86              |
| 4.            | Majlis Daerah Rembau                        | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.01              | 0.00              |
| 5.            | Menteri Besar Incorporated                  | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 1.73              |
| 6.            | Syarikat Imapro Sdn. Bhd.                   | 0.00              | 1.85              | 4.11              | 6.38              | 8.64              |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>51.46</b>      | <b>54.14</b>      | <b>58.58</b>      | <b>62.16</b>      | <b>67.72</b>      |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

#### 4.8.2 Pelaburan

Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pada akhir tahun 2008, pelaburan saham di Penyata Akaun Memorandum berkurang sejumlah RM0.32 juta atau 4.8% kepada RM6.30 juta berbanding RM6.62 juta pada tahun 2007. Penurunan ini antaranya adalah disebabkan oleh Lain-lain Pelaburan berjumlah RM1.82 juta yang merupakan pelaburan oleh *Menteri Besar Incorporated* telah dikeluarkan daripada Penyata Akaun Memorandum. **Pelaburan tersebut diuruskan oleh *Menteri Besar Incorporated* secara berasingan. Semua hasil pelaburan yang diperolehi tidak diperakaunkan sebagai hasil Kerajaan Negeri.** Kerajaan Negeri juga tidak mempunyai sebarang pegangan saham dalam syarikat milik *Menteri Besar Incorporated*. Kedudukan pelaburan saham di Penyata Akaun Memorandum bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 4.38**.

**Jadual 4.38  
Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Butiran Pelaburan                     | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|---------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                                       | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Petronas Dagangan Berhad              | 3.80              | 3.80              | 3.80              | 3.80              | 3.80              |
| 2.            | Amanah Saham Bank Islam               | 1.00              | 1.00              | 1.00              | 1.00              | 1.00              |
| 3.            | Telekom Malaysia International Berhad | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 1.05              |
| 4.            | Tenaga Nasional Berhad                | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.45              |
| 5.            | Lain-lain Pelaburan                   | 24.30             | 21.67             | 21.67             | 1.82              | 0.00              |
| <b>Jumlah</b> |                                       | <b>29.10</b>      | <b>26.47</b>      | <b>26.47</b>      | <b>6.62</b>       | <b>6.30</b>       |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

#### 4.8.3 Hutang Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2008, baki hutang Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM289.79 juta atau 15.7% kepada RM2.14 bilion berbanding RM1.85 bilion pada tahun 2007. Baki berjumlah RM2.14 bilion tersebut adalah merupakan baki pinjaman pokok yang belum dijelaskan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan Projek Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah, Projek Perbadanan Kemajuan Negeri, Projek Ladang Hutan dan Projek Pelbagai. Peningkatan baki pinjaman adalah disebabkan oleh pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM291.98 juta pada tahun 2008. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 4.39**.

**Jadual 4.39**  
**Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Pinjaman                                       | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |             |
|---------------|--|-------------------|-------------------|-----------------------------|-------------|
|               |  | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)         |
| 1.            | Rancangan Bekalan Air                          | 1,337.07          | 1,619.05          | 281.98                      | 21.1        |
| 2.            | Perumahan Awam Kos Rendah                      | 114.01            | 112.57            | (1.44)                      | (1.3)       |
| 3.            | Perbadanan Kemajuan Negeri,<br>Negeri Sembilan | 32.86             | 32.86             | 0.00                        | 0.0         |
| 4.            | Projek Ladang Hutan                            | 1.88              | 1.60              | (0.28)                      | (14.9)      |
| 5.            | Pelbagai                                       | 363.02            | 372.55            | 9.53                        | 2.6         |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>1,848.84</b>   | <b>2,138.63</b>   | <b>289.79</b>               | <b>15.7</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- a) Kedudukan hutang Kerajaan Negeri bagi tahun 2004 hingga tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.40**.

**Jadual 4.40**  
**Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Pinjaman  | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|---|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |   | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Rancangan Bekalan Air                             | 1,136.73          | 1,185.73          | 1,196.75          | 1,337.07          | 1,619.05          |
| 2.            | Perumahan Awam Kos<br>Rendah                      | 110.10            | 115.05            | 114.99            | 114.01            | 112.57            |
| 3.            | Perbadanan Kemajuan<br>Negeri, Negeri<br>Sembilan | 32.61             | 32.86             | 32.86             | 32.86             | 32.86             |
| 4.            | Projek Ladang Hutan                               | 2.65              | 2.53              | 2.15              | 1.88              | 1.60              |
| 5.            | Pelbagai  | 58.08             | 308.08            | 340.99            | 363.02            | 372.55            |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>1,340.17</b>   | <b>1,644.25</b>   | <b>1,687.74</b>   | <b>1,848.84</b>   | <b>2,138.63</b>   |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- b) Pada tahun 2008 Kerajaan Negeri telah menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM16.26 juta kepada Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat sejumlah RM96.27 juta atau 29.3% menjadi RM425.26 juta berbanding RM328.99 juta pada tahun 2007.

Analisis perbandingan antara jumlah baki hutang awam berbanding baki tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2008 adalah tidak memuaskan. Ini disebabkan baki hutang awam dan tunggakan bayaran balik masing-masing telah meningkat sejumlah RM289.79 juta dan RM96.27 juta pada tahun semasa.

#### 4.8.4 Tunggakan Hasil

Akaun Belum Terima menunjukkan jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri berasaskan kepada bil, invois dan sebagainya. Pada tahun 2008, tunggakan hasil bagi 17 pemungut hasil berjumlah RM136.46 juta iaitu meningkat sejumlah RM77.61 juta atau 131.9% berbanding RM58.85 juta pada tahun 2007. Sebahagian besar daripada tunggakan hasil tersebut merupakan tunggakan hasil Pejabat Tanah sejumlah RM69.27 juta dan Jabatan Bekalan Air berjumlah RM65.94 juta. Kedudukan tunggakan hasil pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 4.41**.

**Jadual 4.41**  
**Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri**  
**Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**

| Bil.          | Jenis Hasil     | Tahun             |                   | Peningkatan  |              |
|---------------|-----------------|-------------------|-------------------|--------------|--------------|
|               |                 | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) | (RM Juta)    | (%)          |
| 1.            | Pejabat Tanah   | 31.44             | 69.27             | 37.83        | 120.3        |
| 2.            | Jualan Air      | 26.16             | 65.94             | 39.78        | 152.1        |
| 3.            | Lain-lain Hasil | 1.25              | 1.25              | 0.00         | 0.0          |
| <b>Jumlah</b> |                 | <b>58.85</b>      | <b>136.46</b>     | <b>77.61</b> | <b>131.9</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- a) Pada keseluruhannya jumlah tunggakan hasil Pejabat Tanah menunjukkan peningkatan sejumlah RM37.83 juta atau 120.3% kepada RM69.27 juta berbanding RM31.44 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan tunggakan cukai tanah. Tunggakan hasil air juga menunjukkan peningkatan mendadak sejumlah RM39.78 juta atau 152.1% kepada RM65.94 juta berbanding RM26.16 juta pada tahun 2007. Peningkatan mendadak ini adalah disebabkan oleh tunggakan hasil air bagi akaun yang tidak aktif telah diambil kira pada tahun 2008.
- b) Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2004 hingga tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.42**.

**Jadual 4.42**  
**Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

| Bil.          | Jenis Hasil     | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|-----------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                 | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | 2008<br>(RM Juta) |
| 1.            | Pejabat Tanah   | 52.21             | 57.85             | 27.73             | 31.44             | 69.27             |
| 2.            | Jualan Air      | 7.97              | 23.86             | 23.77             | 26.16             | 65.94             |
| 3.            | Lain-lain Hasil | 1.98              | 1.33              | 1.64              | 1.25              | 1.25              |
| <b>Jumlah</b> |                 | <b>62.16</b>      | <b>83.04</b>      | <b>53.14</b>      | <b>58.85</b>      | <b>136.46</b>     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

#### 4.9. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

**4.9.1** Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2008 adalah memuaskan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2008 berjumlah RM175.64 juta dan mengalami penurunan sejumlah RM15.98 juta atau 8.3% berbanding tahun 2007. Kecairan tunai Kerajaan Negeri adalah rendah kerana aset semasa tidak dapat menampung tanggungan semasa. Pada tahun 2008 pelaburan saham Kerajaan Negeri berjumlah RM23.40 juta berbanding RM23.36 juta pada tahun 2007 dan terdapat peningkatan RM0.04 juta atau 0.2%. Manakala pelaburan saham di Akaun Memorandum berkurangan dari sejumlah RM6.62 juta pada tahun 2007 kepada RM6.30 juta pada tahun 2008. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2008 mencatatkan peningkatan sejumlah RM9.42 juta atau 3.7% manakala tunggakan hasil meningkat dengan mendadak sejumlah RM77.61 juta atau 131.9%. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2008 mencatatkan peningkatan sejumlah RM4.70 juta atau 1.7% manakala Akaun Kena Bayar berkurangan sejumlah RM5.19 juta atau 30.7%. Baki Pinjaman Boleh Dituntut dari Agensi Negeri berjumlah RM363.19 juta manakala tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh

Dituntut berjumlah RM67.72 juta. Jumlah hutang awam meningkat sejumlah RM289.79 juta atau 15.7%.

**4.9.2** Adalah disyorkan Kerajaan Negeri berusaha memungut tunggakan hasil berjumlah RM136.46 juta dan menuntut tunggakan bayaran balik pinjaman daripada agensi negeri berjumlah RM67.72 juta. Kerajaan Negeri juga perlu terus mengamalkan perbelanjaan berhemat tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat.



### **BAHAGIAN III**

## **RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

**BAHAGIAN III**  
**RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

**5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN**

**5.1** Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Negeri Sembilan untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006 hingga 2010. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Sembilan ke arah mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

**5.2** Bagi menjayakan RMKe-9, anggaran peruntukan berjumlah RM938.10 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Sejumlah RM45 juta merupakan peruntukan bagi program Perkhidmatan Masyarakat manakala baki sejumlah RM893.10 juta diagihkan kepada 8 Jabatan bagi projek pembangunan RMKe-9. Jabatan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM420.40 juta atau 44.8% dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM195 juta atau 20.8%. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-9 sehingga 31 Disember 2008 berbanding jumlah keseluruhan peruntukan RMKe-9 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9 Sehingga 31 Disember 2008**

| Bil.          | Jabatan                           | Peruntukan<br>RMKe-9<br>(RM Juta) | Perbelanjaan<br>Sehingga 31<br>Disember 2008<br>(RM Juta) | Pencapaian<br>(%) |
|---------------|-----------------------------------|-----------------------------------|---|-------------------|
| 1.            | Pejabat Setiausaha Kerajaan       | 420.40                            | 149.11  | 35.5              |
| 2.            | Jabatan Kerja Raya                | 195.00                            | 28.73   | 14.7              |
| 3.            | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam     | 88.00                             | 31.14   | 35.4              |
| 4.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran     | 80.00                             | 27.46   | 34.3              |
| 5.            | Pejabat Menteri Besar             | 45.00                             | 24.95   | 55.4              |
| 6.            | Jabatan Perkhidmatan Veterinar    | 41.80                             | 12.58   | 30.1              |
| 7.            | Jabatan Pertanian                 | 35.90                             | 13.53   | 37.7              |
| 8.            | Jabatan Perhutanan                | 30.00                             | 6.17  | 20.6              |
| 9.            | Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian | 2.00                              | 1.04  | 52.0              |
| <b>Jumlah</b> |                                   | <b>938.10</b>                     | <b>294.71</b>   | <b>31.4</b>       |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**5.3** Analisis Audit menunjukkan prestasi perbelanjaan pembangunan RMKe-9 adalah antara 14.7% hingga 55.4%. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan pembangunan RMKe-9 adalah pada tahap 31.4%. Sejumlah RM294.71 juta daripada RM938.10 juta telah dibelanjakan sehingga akhir tahun 2008. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-9 bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9**  
**Bagi Tahun 2006 Hingga 2008**

| Bil. | Tahun                | Peruntukan<br>(RM Juta) | Perbelanjaan<br>(RM Juta) | Peratusan<br>(%) |
|------|----------------------|-------------------------|---------------------------|------------------|
| 1.   | 2006                 | 100.46                  | 91.20                     | 90.8             |
| 2.   | 2007                 | 109.40                  | 91.60                     | 83.7             |
| 3.   | 2008                 | 138.47                  | 111.91                    | 80.8             |
|      | <b>Jumlah</b>        | <b>348.33</b>           | <b>294.71</b>             | <b>84.6</b>      |
|      | <b>Jumlah RMKe-9</b> | <b>938.10</b>           | <b>294.71</b>             | <b>31.4</b>      |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**5.4** Analisis Audit mendapati prestasi perbelanjaan pembangunan tahunan bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah antara 80.8% hingga 90.8%. Pada keseluruhannya, sejumlah RM294.71 juta atau 84.6% daripada RM348.33 juta peruntukan telah dibelanjakan dalam tempoh tersebut. Jumlah ini merupakan 31.4% daripada keseluruhan peruntukan bagi RMKe-9 iaitu sejumlah RM938.10 juta.

**5.5** Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 708 projek pembangunan di bawah RMKe-9 telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 566 projek telah disiapkan sepenuhnya, 13 projek masih belum dimulakan, 115 projek sedang dilaksanakan, satu projek mendahului jadual dan 13 projek dalam perancangan. Pada keseluruhannya, sebanyak 695 projek atau 98.2% daripada 708 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Prestasi pelaksanaan projek sehingga tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-9 Sehingga 31 Disember 2008**

| Tahun         | Bilangan Projek Fizikal |               |              |                |            |              |            |
|---------------|-------------------------|---------------|--------------|----------------|------------|--------------|------------|
|               | Dalam Perancangan       | Dahulu Jadual | Lewat Jadual | Sedang Laksana | Belum Mula | Siap Sebenar | Jumlah     |
| 2006          | 0                       | 0             | 0            | 79             | 3          | 123          | 205        |
| 2007          | 13                      | 1             | 0            | 21             | 4          | 139          | 178        |
| 2008          | 0                       | 0             | 0            | 15             | 6          | 304          | 325        |
| <b>Jumlah</b> | <b>13</b>               | <b>1</b>      | <b>0</b>     | <b>115</b>     | <b>13</b>  | <b>566</b>   | <b>708</b> |

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

**5.6** Pada tahun 2008 jumlah peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan projek pembangunan RMKe-9 adalah RM126.47 juta. Jabatan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM75.35 juta atau 59.6% dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM14 juta atau 11.1%. Sebanyak 325 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh lapan Jabatan pada tahun 2008. Pada keseluruhannya sebanyak 304 projek atau 93.5% daripada 325 projek yang diluluskan telah siap dilaksanakan. Sejumlah RM101.91 juta atau 80.6% daripada peruntukan tahun 2008 berjumlah RM126.47 juta telah dibelanjakan oleh 8 Jabatan sehingga akhir tahun 2008. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**  
**Status Pelaksanaan Projek RMKe-9 Sehingga 31 Disember 2008**

| Bil. | Status Projek             | Bilangan   | Jabatan/ Agensi Terlibat | (%)        |
|------|---------------------------|------------|--------------------------|------------|
| 1.   | Projek Telah Siap         | 304        | 8                        | 93.5       |
| 2.   | Projek Mengikut Jadual    | 15         | 4                        | 4.6        |
| 3.   | Projek Belum Mula/Tangguh | 6          | 2                        | 1.9        |
|      | <b>Jumlah</b>             | <b>325</b> |                          | <b>100</b> |

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

**5.7** Pada keseluruhannya, 319 atau 98.2% daripada 325 projek yang dirancang pada tahun 2008 telah berjaya dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 304 projek telah disiapkan sepenuhnya, 15 projek dilaksanakan mengikut jadual dan enam projek belum dimulakan. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2008 mengikut maksud pembangunan adalah seperti di **Jadual 5.5**.

**Jadual 5.5**  
**Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-9 Sehingga 31 Disember 2008**

| Bil.          | Maksud Perbelanjaan  | Ikut Jadual | Belum Mula | Siap Sebenar | Jumlah     |
|---------------|--|-------------|------------|--------------|------------|
| 1.            | Jabatan Pertanian  | -           | -          | 46           | 46         |
| 2.            | Jabatan Perkhidmatan Veterinar                                       | -           | -          | 66           | 66         |
| 3.            | Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian                                    | -           | -          | 11           | 11         |
| 4.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran  | 6           | -          | 24           | 30         |
| 5.            | Jabatan Kerja Raya   | 4           | -          | 19           | 23         |
| 6.            | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerja-kerja Kecil)               | -           | -          | 2            | 2          |
| 7.            | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pelbagai)                        | -           | -          | 7            | 7          |
| 8.            | Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan                           | -           | -          | 12           | 12         |
| 9.            | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bangunan - Bangunan Kerajaan)    | -           | 1          | 2            | 3          |
| 10.           | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan Dan Kerajaan Tempatan) | 2           | 3          | 19           | 24         |
| 11.           | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kemajuan Kawasan Perusahaan)     | -           | -          | 9            | 9          |
| 12.           | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pelancongan)                     | -           | -          | 80           | 80         |
| 13.           | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  | 3           | 2          | 7            | 12         |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>15</b>   | <b>6</b>   | <b>304</b>   | <b>325</b> |

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

**5.8** Senarai projek pembangunan RMKe-9 bernilai RM10.10 juta pada tahun 2008 yang belum dimulakan sehingga akhir tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 5.6**.

**Jadual 5.6**  
**Projek RMKe-9 Yang Belum Dimulakan Sehingga 31 Disember 2008**

| Bil.          | Projek  | Amaun (RM Juta) |
|---------------|---|-----------------|
| 1.            | Pembinaan Stor Jabatan Kerja Raya                         | 1.00            |
| 2.            | Penyediaan Tapak Rumah Awam Kos Rendah - Jelebu           | 1.50            |
| 3.            | Pembinaan Rumah Awam Kos Rendah                           | 1.90            |
| 4.            | Pengambilan Balik Tanah Bagi Tapak Pelupusan Sisa Pepejal | 4.80            |
| 5.            | Masjid Baru Kampung Melang                                | 0.50            |
| 6.            | Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Pilah                    | 0.40            |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>10.10</b>    |

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

## 5.9 RUMUSAN

Pada keseluruhannya, pencapaian pelaksanaan RMKe-9 sehingga akhir tahun 2008 adalah baik di mana sebanyak 695 projek atau 98.2% daripada 708 projek yang dirancang telah dapat dilaksanakan. Prestasi perbelanjaan pembangunan RMKe-9 sehingga akhir tahun 2008 adalah 31.4% dan bagi tempoh tiga tahun iaitu tahun 2006 hingga 2008 sebanyak 84.6% peruntukan pembangunan telah dibelanjakan. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Sembilan ke arah pencapaian status negeri maju pada tahun 2020.



## **BAHAGIAN IV**

### **PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

**BAHAGIAN IV**  
**PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN/AGENSI NEGERI**

## **6. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI)**

**6.1** Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**6.2** Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

**6.3** Berdasarkan kepada pengauditan pengurusan kewangan, didapati Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan. Ini dapat digambarkan daripada peningkatan markah untuk mencatatkan pencapaian yang bertambah baik.

**6.4** Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti**. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

**6.5** Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi enam aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri, kawalan tambahan iaitu pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 6.1**.

**Jadual 6.1**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**

| Markah Keseluruhan (%) | Tahap           | Penarafan   |
|------------------------|-----------------|---|
| 90 - 100               | Sangat Baik     |   |
| 70 - 89                | Baik            |   |
| 50 - 69                | Memuaskan       |  |
| 49 ke bawah            | Tidak Memuaskan |  |

## 6.6. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## 6.7 SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

**6.7.1** Bagi tahun 2008, sebanyak 12 Jabatan/Agensi telah diaudit. Pengauditan telah dijalankan di Jabatan/Agensi iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Pejabat Daerah Dan Tanah Kecil Gemas, Majlis Daerah Tampin, Majlis Daerah Jempol, Majlis Agama Islam, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan dan Majlis Sukan Negeri.

**6.7.2** Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri, kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

**6.7.3** Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2008 di Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat

terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2007 dan 2008 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

## **6.8 JENIS KAWALAN**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi empat Jabatan Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa; tiga Pejabat Daerah iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Pejabat Daerah Dan Tanah Kecil Gemas; dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Tampin dan Majlis Daerah Jempol dan tiga Badan Berkanun Negeri iaitu Majlis Agama Islam, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan dan Majlis Sukan Negeri adalah berdasarkan pgauditian terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut sembilan jenis kawalan yang mana berkaitan seperti berikut:

### **6.8.1 Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanannya jawatankuasa yang diwujudkan dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **a) Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan pematuhan terhadap peraturan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri.

- i) Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperintima yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- ii) Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii) Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv) Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

**b) Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam enam bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.
- iv) Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Agensi Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

**c) Keberkesanan Jawatankuasa Yang Diwujudkan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

**i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**ii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan**

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di

peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Ketua Jabatan/Agensi hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap tiga bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**iii) Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan/Agensi memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada pengurusan atasan/Lembaga Pengarah, melaksanakan kerja pengauditan mengikut perancangan dan laporan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Audit. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan/Agensi adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

**d) Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

**6.8.2 Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

**a) Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet setiap Jabatan/Agensi Negeri di Negeri Sembilan dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan Negeri Sembilan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Sembilan Bil.1 Tahun 2006 (Garis Panduan bagi Penyediaan Cadangan Bajet Tahun 2007 Dan 2008). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga

menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

**b) Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2008 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

**c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet**

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

**e) Pelaporan**

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki

mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pejabat Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

### **6.8.3 Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

#### **a) Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

#### **b) Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

#### **c) Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

#### **d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai yang diselenggarakan oleh Jabatan Negeri. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun atau Dokumen Kualiti, semakan Audit juga telah dijalankan terhadap pematuhan terhadap peraturan kawalan perakaunan terimaan/hasil yang telah ditetapkan.

**e) Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

**6.8.4 Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap tiga aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

**a) Perakaunan**

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan atau peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri.

**b) Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

**c) Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta panjar wang runcit.

**6.8.5 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap perkara seperti berikut:

**a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan Akaun Amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari

segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

**b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri berkaitan:

- i) Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii) Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- iii) Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- iv) Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

**c) Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Manakala Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

**6.8.6 Pengurusan Aset Dan Stor**

Aset dan inventori yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri berhubung dengan perkara-perkara berikut:

**a) Kawalan Umum**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

**b) Penerimaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disah dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disedia, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

**c) Pendaftaran**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

**d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya dua orang Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.

- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- vi) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**e) Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pemberian perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

**f) Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh dua pegawai yang mempunyai tiga tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disedia dan dikemukakan kepada pihak yang

meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

#### **g) Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh dua hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

#### **6.8.7 Pengurusan Pelaburan**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

#### **6.8.8 Pengurusan Pinjaman**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman diwujudkan dan dilaksanakan.

#### **6.8.9 Penyata Kewangan**


Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 menghendaki Agenzi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Pegawai Kewangan Negeri Sembilan juga mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agenzi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh yang ditetapkan. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agenzi

Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

## 6.9 TAHAP PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2008 mendapati pencapaian pengurusan kewangan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Majlis Agama Islam **adalah pada tahap sangat baik dan diberi penarafan 4 bintang**. Manakala Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Pejabat Daerah Dan Tanah Gemas, Majlis Daerah Tampin, Majlis Daerah Jempol, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan dan Majlis Sukan Negeri **adalah pada tahap baik dengan diberi penarafan 3 bintang**. Berbanding tahun 2007, tiga Jabatan dan tiga Agensi Negeri mendapat taraf baik atau 3 bintang. Tahap pencapaian pengurusan kewangan keseluruhan Jabatan/Agenzi Negeri yang diaudit adalah seperti di **Carta 6.1**.


**Carta 6.1**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**  
**Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2008**



Pada tahun 2008, perbandingan dua Agensi Negeri yang dilaksanakan pengauditan pengurusan kewangan pada setiap tahun menunjukkan peningkatan bagi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang ketara terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan iaitu mendapat 90.1% berbanding 77.6% pada tahun 2007. Pemantauan dan komitmen Pegawai Pengawal dalam aspek pengurusan kewangan dan kefahaman pegawai dan kakitangan dalam urusan kewangan adalah antara faktor peningkatan pencapaian tersebut. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) pula menunjukkan

penurunan tahap prestasi dari 75.8% pada tahun 2007 kepada 73.5% pada tahun 2008. Antara sebab berlakunya penurunan ini ialah kelemahan dalam kawalan dalaman. Perbandingan tahap pencapaian pengurusan kewangan bagi 2 Agensi yang diaudit setiap tahun iaitu PKNNS dan MAINS adalah seperti di **Carta 6.2**.

**Carta 6.2**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti PKNNS Dan MAINS Pada Tahun 2008 Berbanding 2007**



## 6.10 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, pencapaian pengurusan kewangan di 12 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah pada tahap baik. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Selain itu, tindakan mencegah/*preventive* perlu dilaksanakan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut:

- Di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit.
- Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991.
- Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Kewangan Negeri disarankan supaya mengarahkan atau bekerjasama dengan Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menjalankan pengauditan di Jabatan/Agensi Negeri lain atau Pegawai Pengawal patut mengarahkan Unit Audit Dalamnya menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di pejabat berkenaan.

Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan.

- d) Pegawai Pengawal perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Unit Audit Dalamnya mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- e) Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f) Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran dengan tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Agensi yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.



## **BAHAGIAN V**

### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

## BAHAGIAN V

### PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

#### 7. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri seperti Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan dilaksanakan bagi mengesah dan memastikan penyata kewangan adalah bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang *material* serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan piawaian yang diluluskan.

##### 7.1 PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2008, terdapat lima Badan Berkanun Negeri, lapan Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam tertakluk di bawah pengauditan penyata kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, penyata kewangan empat Badan Berkanun Negeri dan lapan Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh Firma Audit Swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

Bagi penyata kewangan yang diaudit oleh Firma Audit Swasta, Jabatan Audit Negara akan memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan bagi memastikan ianya selaras dengan arahan yang ditetapkan. Sebelum pengauditan dilaksanakan, Firma Audit Swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya pendekatan Audit, tempoh pengauditan dan pasukan Audit yang terlibat. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan Firma Audit Swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk melaksanakan pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan.

Lawatan ke pejabat Agensi semasa pengauditan dilaksanakan oleh Firma Audit swasta juga dilakukan bagi memastikan pasukan Audit yang terlibat terdiri daripada pegawai yang berkelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Memorandum Perancangan Audit. Semasa lawatan, pihak Firma Audit Swasta boleh berbincang dengan pihak Jabatan Audit Negara mengenai perkara berbangkit semasa pengauditan dilaksanakan. Perbincangan ini membolehkan perkara berbangkit yang kurang *material* dapat diselesaikan. Pada akhir pengauditan, Firma Audit swasta dikehendaki mengemukakan penemuan audit berserta fail kerja, laporan terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk memastikan perkara *material* dibangkitkan dan bukti audit adalah mencukupi serta memuaskan.

## 7.2 KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan kepada Akta dan Enakmen yang berkaitan. Pada keseluruhannya, penyerahan penyata kewangan oleh Agensi adalah baik di mana semua penyata kewangan tahun 2008 telah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara sehingga 30 Jun 2009. Daripada jumlah tersebut, lapan adalah daripada Pihak Berkuasa Tempatan manakala lima daripada Badan Berkanun Negeri dan satu daripada Majlis Agama Islam. Kedudukan penyerahan penyata kewangan sehingga 30 Jun 2009 bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan**  
**Agensi Kerajaan Negeri Sehingga 30 Jun 2009**

| Bil.                              | Agensi                                       | Penyata Kewangan Telah Disahkan (Tahun) | Penyata Kewangan Sedang Diaudit (Tahun) | Penyata Kewangan Belum Diterima (Tahun) |
|-----------------------------------|--|---|---|---|
| <b>A. Badan Berkanun Negeri</b>   |  |   |   |   |
| 1.                                | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan  | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 2.                                | Lembaga Muzium Negeri, Negeri Sembilan       | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 3.                                | Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan         | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 4.                                | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 5.                                | Yayasan Negeri Sembilan                      | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| <b>B. Majlis Agama Islam</b>      |  |   |   |   |
| 1.                                | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan           | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| <b>C. Pihak Berkuasa Tempatan</b> |  |   |   |   |
| 1.                                | Majlis Perbandaran Seremban                  | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 2.                                | Majlis Perbandaran Nilai                     | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 3.                                | Majlis Perbandaran Port Dickson              | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 4.                                | Majlis Daerah Tampin                         | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 5.                                | Majlis Daerah Kuala Pilah                    | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 6.                                | Majlis Daerah Jelebu                         | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 7.                                | Majlis Daerah Jempol                         | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| 8.                                | Majlis Daerah Rembau                         | 2007                                    | 2008                                    | -                                       |
| <b>Jumlah</b>                     |  | <b>14</b>                               | <b>14</b>                               | <b>-</b>                                |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 7.3 PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga 30 Jun 2009, sejumlah 14 Penyata Kewangan tahun 2007 iaitu lima Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan lapan Pihak Berkuasa Tempatan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara. Berdasarkan jumlah tersebut, kesemua Penyata Kewangan tahun 2007 telah diberi Sijil Tanpa Teguran berbanding dengan Penyata Kewangan tahun 2006, di mana sebanyak 12 Akaun telah diberi Sijil Tanpa teguran dan dua Sijil Berteguran. Kedudukan jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara bagi pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 7.2**.

**Jadual 7.2**  
**Kedudukan Jenis Sijil Yang Dikeluarkan Bagi Penyata Kewangan**  
**Agenси Negeri Pada Tahun 2007 Berbanding 2006**

| Agenси  | Jenis Sijil      |               |
|---|------------------|---------------|
|   | (Tahun Kewangan) |               |
|   | 2006             | 2007          |
| <b>A. Badan Berkanun Negeri</b>                 |                  |               |
| 1. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan  | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 2. Yayasan Negeri Sembilan                      | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 3. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 4. Lembaga Muzium Negeri Sembilan               | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 5. Majlis Sukan Negeri Sembilan                 | Berteguran       | Tanpa Teguran |
| <b>B. Majlis Agama Islam</b>                    |                  |               |
| 1. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan           | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| <b>C. Pihak Berkuasa Tempatan</b>               |                  |               |
| 1. Majlis Perbandaran Seremban                  | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 2. Majlis Perbandaran Nilai                     | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 3. Majlis Perbandaran Port Dickson              | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 4. Majlis Daerah Tampin                         | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 5. Majlis Daerah Kuala Pilah                    | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 6. Majlis Daerah Jelebu                         | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |
| 7. Majlis Daerah Jempol                         | Berteguran       | Tanpa Teguran |
| 8. Majlis Daerah Rembau                         | Tanpa Teguran    | Tanpa Teguran |

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

#### 7.4 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Agenси Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga memperuntukkan supaya Penyata Kewangan yang diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 31 Mei 2009, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 12 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, satu penyata kewangan Badan Berkanun Negeri iaitu Yayasan Negeri Sembilan bagi tahun 2007 belum dibentangkan. Kedudukan pembentangan penyata kewangan adalah seperti di **Jadual 7.3**.

**Jadual 7.3**  
**Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Yang Dibentangkan Sehingga 31 Mei 2009**

| Bil.                               | Agensi                                       | Penyata Kewangan Terakhir Dibentangkan | Tarikh Penyata Kewangan Disahkan | Penyata Kewangan Belum Dibentangkan |
|------------------------------------|--|--|----------------------------------|-------------------------------------|
| <b>Badan-badan Berkanun Negeri</b> |  |  |                                  |                                     |
| 1.                                 | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan  | 2007                                   | 24.12.2008                       | -                                   |
| 2.                                 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | 2007                                   | 25.6.2008                        | -                                   |
| 3.                                 | Lembaga Muzium Negeri Sembilan               | 2007                                   | 14.4.2008                        | -                                   |
| 4.                                 | Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan         | -                                      | 15.8.2008                        | -                                   |
| 5.                                 | Yayasan Negeri Sembilan                      | 2006                                   | 8.8.2007                         | 2007                                |
| <b>Majlis Agama Islam</b>          |  |  |                                  |                                     |
| 1.                                 | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan           | 2007                                   | 11.8.2008                        | -                                   |
| <b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>     |  |  |                                  |                                     |
| 1.                                 | Majlis Perbandaran Seremban                  | 2007                                   | 26.5.2008                        | -                                   |
| 2.                                 | Majlis Perbandaran Nilai                     | 2007                                   | 15.8.2008                        | -                                   |
| 3.                                 | Majlis Perbandaran Port Dickson              | 2007                                   | 6.9.2008                         | -                                   |
| 4.                                 | Majlis Daerah Tampin                         | 2007                                   | 4.7.2008                         | -                                   |
| 5.                                 | Majlis Daerah Kuala Pilah                    | 2007                                   | 26.6.2008                        | -                                   |
| 6.                                 | Majlis Daerah Jelebu                         | 2007                                   | 4.7.2008                         | -                                   |
| 7.                                 | Majlis Daerah Jempol                         | 2007                                   | 4.7.2008                         | -                                   |
| 8.                                 | Majlis Daerah Rembau                         | 2007                                   | 4.7.2008                         | -                                   |
| <b>Jumlah</b>                      |  | <b>13</b>                              |                                  | <b>1</b>                            |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 7.5 PRESTASI KEWANGAN

### 7.5.1 Analisis Kedudukan Kewangan

Analisis kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007. Jabatan Audit Negara telah mengesahkan penyata kewangan tahun 2007 bagi lima Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan lapan Pihak Berkuasa Tempatan.

#### a) Badan Berkanun Negeri

Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2007 yang telah disahkan adalah seperti di **Jadual 7.4**.

**Jadual 7.4**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007**

| Bil. | Agensi                                      | Penyata Pendapatan      |                           |                                | Lembaran Imbangan           |                                  |                    |
|------|---|-------------------------|---------------------------|--------------------------------|-----------------------------|----------------------------------|--------------------|
|      |   | Pendapatan<br>(RM Juta) | Perbelanjaan<br>(RM Juta) | Surplus/(Defisit)<br>(RM Juta) | Aset<br>Semasa<br>(RM Juta) | Liabiliti<br>Semasa<br>(RM Juta) | Nisbah<br>Kecairan |
| 1.   | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 15.90                   | 15.52                     | 0.38                           | 88.62                       | 109.42                           | 0.81:1             |
| 2.   | Perbadanan Perpustakaan Negeri Sembilan     | 8.51                    | 6.60                      | 1.91                           | 4.63                        | 2.83                             | 1.64:1             |
| 3.   | Yayasan Negeri Sembilan                     | 9.57                    | 6.86                      | 2.71                           | 47.60                       | 10.14                            | 4.69:1             |
| 4.   | Lembaga Muzium Negeri Sembilan              | 1.57                    | 1.68                      | (0.11)                         | 0.35                        | 0.15                             | 2.33:1             |
| 5.   | Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan        | 3.27                    | 4.78                      | (1.51)                         | 9.04                        | 0.01                             | 904:1              |
| 6.   | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan          | 7.91                    | 6.37                      | 1.54                           | 79.89                       | 2.62                             | 30.49:1            |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2007

Empat Badan Berkanun Negeri mencatatkan surplus pada tahun 2007 manakala dua lagi mencatat defisit. Yayasan Negeri Sembilan mencatatkan surplus tertinggi iaitu sejumlah RM2.71 juta manakala Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan mencatatkan surplus terendah sejumlah RM0.38 juta. Lembaga Muzium Negeri Sembilan mengalami defisit lebih rendah berbanding Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan iaitu RM0.11 juta berbanding RM1.51 juta. Lima Badan Berkanun Negeri mempunyai lebihan aset semasa berbanding liabiliti semasa kecuali Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan yang memperoleh nisbah kecairan 0.81:1. Ini menunjukkan lima Badan Berkanun Negeri berkeupayaan untuk menanggung liabiliti semasanya dengan mencairkan aset semasa yang ada di mana nisbah kecairan adalah antara 1.64 hingga 904.

#### b) Pihak Berkuasa Tempatan

Prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2007 yang telah disahkan adalah seperti di **Jadual 7.5**.

**Jadual 7.5**  
**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007**

| Bil. | Agensi             | Penyata Pendapatan Berakhir<br>31 Disember 2007 |                           |                                  | Lembaran Imbangan Pada<br>31 Disember 2007 |                                  |   |                    |
|------|--------------------|---|---------------------------|----------------------------------|--|----------------------------------|---|--------------------|
|      |                    | Pendapatan<br>(RM Juta)                         | Perbelanjaan<br>(RM Juta) | Surplus/<br>Defisit<br>(RM Juta) | Aset<br>Semasa<br>(RM Juta)                | Liabiliti<br>Semasa<br>(RM Juta) | Aset/<br>Liabiliti<br>Bersih<br>Semasa<br>(RM Juta) | Nisbah<br>Kecairan |
| 1.   | MP Seremban        | 82.48   | 72.29                     | 10.19                            | 60.75                                      | 18.16                            | 42.59   | 3.35:1             |
| 2.   | MP Nilai           | 44.53   | 39.39                     | 5.14                             | 48.57                                      | 28.40                            | 20.18   | 1.71:1             |
| 3.   | MP Port<br>Dickson | 35.71   | 28.39                     | 7.32                             | 38.65                                      | 6.10                             | 32.55   | 6.34:1             |
| 4.   | MD Tampin          | 20.22   | 21.24                     | (1.03)                           | 8.13                                       | 3.29                             | 4.83  | 2.48:1             |
| 5.   | MD Kuala<br>Pilah  | 13.51   | 13.28                     | 0.23                             | 5.53                                       | 7.16                             | (1.63)  | 0.78:1             |
| 6.   | MD Jelebu          | 11.09   | 7.91                      | 3.18                             | 4.85                                       | 1.59                             | 3.26  | 3.05:1             |
| 7.   | MD Jempol          | 13.90   | 10.17                     | 3.73                             | 13.18                                      | 3.35                             | 9.83  | 3.94:1             |
| 8.   | MD Rembau          | 16.28   | 14.40                     | 1.88                             | 6.26                                       | 5.75                             | 0.51  | 1.09:1             |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2007

Tujuh pihak berkuasa tempatan telah mencatat surplus pada tahun 2007, manakala satu mencatat defisit. Majlis Perbandaran Seremban mencatat surplus tertinggi sejumlah RM10.19 juta berbanding Majlis Daerah Kuala Pilah yang mencatat surplus terendah sejumlah RM0.23 juta. Majlis Daerah Tampin mengalami defisit sejumlah RM1.03 juta. Kesemua Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai lebihan aset semasa berbanding dengan liabiliti semasa kecuali Majlis Daerah Kuala Pilah yang memperoleh nisbah kecairan 0.78:1. Ini menunjukkan tujuh Pihak Berkuasa Tempatan berkeupayaan untuk menanggung liabiliti semasa dengan mencairkan aset semasa yang ada di mana nisbah kecairan adalah di antara 1.09 hingga 6.34.

## 7.6 ANALISIS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Majlis Perbandaran Nilai menunjukkan peningkatan ketara tunggakan cukai taksiran sejumlah RM4.24 juta atau 16.1% menjadi RM30.52 juta pada tahun 2007 berbanding sejumlah RM26.28 juta pada tahun 2006. Manakala Majlis Daerah Tampin telah dapat menurunkan tunggakan cukai taksiran sejumlah RM0.11 juta iaitu dari sejumlah RM2.11 juta pada tahun 2006 kepada RM2 juta pada tahun 2007. Penurunan tunggakan cukai taksiran ini adalah hasil usaha serta tindakan yang cekap oleh Unit Penguatkuasaan Majlis. Pihak Berkuasa Tempatan perlu meningkatkan tindakan penguatkuasaan supaya tunggakan cukai taksiran dapat dipungut dan dikurangkan. Kedudukan tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 7.6**.

**Jadual 7.6**  
**Tunggakan Cukai Taksiran Pada Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

| Bil. | Pihak Berkuasa Tempatan         | 2006<br>(RM Juta) | 2007<br>(RM Juta) | Peningkatan/<br>(Penurunan)<br>(RM Juta) | (%)    |
|------|---------------------------------|-------------------|-------------------|--|--------|
| 1.   | Majlis Perbandaran Nilai        | 26.28             | 30.52             | 4.24                                     | 16.1   |
| 2.   | Majlis Perbandaran Port Dickson | 16.11             | 18.21             | 2.10                                     | 13.0   |
| 3.   | Majlis Perbandaran Seremban     | 18.97             | 20.78             | 1.81                                     | 9.5    |
| 4.   | Majlis Daerah Jempol            | 1.25              | 1.41              | 0.16                                     | 0.13   |
| 5.   | Majlis Daerah Kuala Pilah       | 0.70              | 0.78              | 0.08                                     | 0.11   |
| 6.   | Majlis Daerah Rembau            | 0.49              | 0.51              | 0.02                                     | 0.04   |
| 7.   | Majlis Daerah Jelebu            | 1.07              | 1.09              | 0.02                                     | 0.02   |
| 8.   | Majlis Daerah Tampin            | 2.11              | 2.00              | (0.11)                                   | (0.05) |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2007

## 7.7 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi penyerahan penyata kewangan adalah baik kerana kesemua agensi telah menyerahkan penyata kewangan tahun 2008 kepada Jabatan Audit Negara sehingga 25 Jun 2009. Semua Agensi Kerajaan Negeri telah menerima Sijil Audit Tanpa Teguran bagi penyata kewangan tahun 2007. Pembentangan penyata kewangan dan prestasi kewangan agensi adalah baik. Bagaimanapun, prestasi kutipan cukai taksiran adalah kurang memuaskan kerana amaun tunggakan menunjukkan peningkatan. Bagi penambahbaikan kepada perkara yang dibangkitkan, Agensi Kerajaan Negeri disyorkan untuk mengambil langkah berikut:

- a) Agensi yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa.
- b) Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.
- c) Pegawai Pengawal atau Ketua Agensi hendaklah menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap penjawat awam yang terlibat dalam tugas-tugas operasi dan pengurusan kewangan Agensi.



## **BAHAGIAN VI**

# **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

**BAHAGIAN VI**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

## **8. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan bagi tahun 2007 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri pada 26 November 2008.

### **8.1 MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pada tahun 2008, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat lima kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2005. Jawatankuasa juga telah menjemput Ketua Jabatan yang berkenaan supaya memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah dari semasa ke semasa mengadakan mesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti di **Jadual 8.1**.

**Jadual 8.1**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam**  
**Negeri Sembilan Pada Tahun 2008**

| Tarikh    | Jabatan/Agensi  | Perkara  |
|-----------|---|--|
| 7.7.2008  | Majlis Sukan Negeri   | <u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005</u><br>Pengurusan Kewangan:<br>1) Kawalan Pengurusan<br>2) Kawalan Perbelanjaan<br>3) Kawalan Terimaan  |
| 5.8.2008  | Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban                                       | <u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005</u><br>Pengurusan Kewangan:<br>1) Kawalan Pengurusan<br>2) Kawalan Terimaan<br>3) Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah dan Deposit<br>4) Pengurusan Aset dan Inventori                            |
| 9.9.2008  | Majlis Perbandaran Port Dickson   | <u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005</u><br>Pengurusan Kewangan:<br>1) Kawalan Pengurusan<br>2) Kawalan Perbelanjaan<br>3) Kawalan Terimaan<br>4) Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah dan Deposit<br>5) Pengurusan Aset dan Inventori |
| 4.11.2008 | Jabatan Perkhidmatan Veterinar<br><br>Jabatan Pertanian Negeri Sembilan | <u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005</u><br>Pengurusan Kewangan:<br>1) Kawalan Pengurusan<br>2) Kawalan Perbelanjaan<br>3) Kawalan Terimaan<br>4) Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah dan Deposit<br>5) Pengurusan Aset dan Inventori |



## PENUTUP

## PENUTUP

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali kedua pada tahun 2008 telah menunjukkan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri yang bertambah baik namun masih berlaku beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan Agensi Negeri dan pengurusan kewangan yang dilaporkan dalam Laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan dan pengurusan kewangan adalah ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mematuhi piawaian perakaunan dan prosedur kewangan, menyelia kerja yang dilaksanakan oleh pegawai, menyediakan prosedur kerja yang lengkap dan mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan pensampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**3 Julai 2009**



## LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2008; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.


  
**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

19 Jun 2009



**Lembaran Imbangan  
seperti pada 31 Disember 2008**

| Penyata                        | Nota | 2008                 | 2007                 |
|--------------------------------|------|----------------------|----------------------|
|                                |      | RM                   | RM                   |
| <b>WANG AWAM</b>               |      |                      |                      |
| A WANGTUNAI                    | 7    | 152,238,023.23       | 168,262,384.46       |
| B PELABURAN                    | 8    | 23,398,432.79        | 23,359,373.66        |
|                                |      | <hr/> 175,636,456.02 | <hr/> 191,621,758.12 |
| <b>DIPEGANG BAGI:</b>          |      |                      |                      |
| <b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b> |      |                      |                      |
| C AKAUN HASIL DISATUKAN        | 9    | 79,417,094.12        | 95,018,977.58        |
| D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN     | 10   | 0.00                 | 0.00                 |
| E AKAUN AMANAH DISATUKAN       | 11   | 96,219,361.90        | 96,602,780.54        |
|                                |      | <hr/> 175,636,456.02 | <hr/> 191,621,758.12 |

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

DATUK AB. RADZAK BIN AB. RAHMAN  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN

  
AZAL BIN ADZHAR  
BENDAHARI NEGERI  
NEGERI SEMBILAN

PERBENDAHARAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN  
27 FEBRUARI 2009


**Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai  
seperti pada 31 Disember 2008**

| <b>TERIMAAN</b>                                |                    | <b>Kemaskini</b> |                       |
|--|--------------------|------------------|-----------------------|
|  | <b>Penyata C</b>   | <b>RM</b>        | <b>RM</b>             |
| Hasil  |                    |                  |                       |
| Hasil Cukai                                    |                    | 115,524,465.87   |                       |
| Terimaan Bukan Hasil                           |                    | 80,609,740.31    |                       |
| Hasil Bukan Cukai                              |                    | 64,565,576.13    |                       |
|  |                    |                  | 260,699,782.31        |
| Pinjaman                                       | <b>Penyata D</b>   |                  |                       |
| Pinjaman Dalam Negeri                          |                    | 291,976,064.00   |                       |
| Pinjaman Luar Negeri                           |                    | -                |                       |
|  |                    |                  | 291,976,064.00        |
| Terimaan Modal                                 | <b>Penyata B/E</b> |                  |                       |
| Pelbagai Terimaan Amanah                       |                    | 2,085,493,645.91 |                       |
| Jumlah Terimaan                                |                    |                  | 2,085,493,645.91      |
|  |                    |                  | 2,638,169,492.22      |
|  |                    |                  |                       |
| <b>BAYARAN</b>                                 |                    |                  |                       |
| Perbelanjaan Mengurus                          | <b>Penyata C</b>   |                  |                       |
| Emolumen                                       |                    | 96,449,793.28    |                       |
| Aset   |                    | 3,991,776.39     |                       |
| Perbelanjaan Lain                              |                    | 3,057,080.09     |                       |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap             |                    | 101,444,496.47   |                       |
| Perkhidmatan Dan Bekalan                       |                    | 71,358,519.54    |                       |
|  |                    |                  | 276,301,665.77        |
| Perbelanjaan Pembangunan                       | <b>Penyata E</b>   |                  |                       |
| Langsung                                       |                    | 91,913,120.00    |                       |
| Pinjaman                                       |                    | 19,995,803.03    |                       |
|  |                    |                  | 111,908,923.03        |
| Perbelanjaan Modal                             | <b>Penyata B</b>   |                  |                       |
| Pembelian Instrumen Kewangan                   |                    | 39,059.13        | 39,059.13             |
| Lain-Lain Bayaran                              | <b>Penyata D/E</b> | 2,265,944,205.52 | 2,265,944,205.52      |
| Jumlah Bayaran                                 |                    |                  | 2,654,193,853.45      |
| Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai               |                    |                  | (16,024,361.23)       |
| Wang Tunai Pada 01 Januari 2008                | <b>Penyata A</b>   |                  | 168,262,384.46        |
| <b>JUMLAH WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2008</b> |                    |                  | <b>152,238,023.23</b> |

**Penyata Akaun Memorandum  
seperti pada 31 Disember 2008**

| Penyata                 | Nota    | 2008             | 2007             |  |
|-------------------------|---------|------------------|------------------|--|
|                         |         | RM               | RM               |  |
| <b>F ASET</b>           |         |                  |                  |  |
|                         |         |                  |                  |  |
| 1 Pinjaman Boleh Tuntut | 12(i)   | 363,191,453.78   | 365,918,846.37   |  |
| 2 Tunggakan Hasil       | 12(ii)  | 136,482,753.58   | 58,851,506.61    |  |
| 3 Pelaburan             | 12(iii) | 6,297,500.00     | 4,800,000.00     |  |
| 4 Lain-lain Pelaburan   | 12(iv)  | 0.00             | 1,821,887.00     |  |
| <b>G TANGGUNGAN</b>     |         |                  |                  |  |
|                         |         |                  |                  |  |
| I Hutang Awam           | 13(i)   | 2,198,627,595.32 | 1,848,839,355.63 |  |

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan



DATO' AB. RADZAK BIN AB. RAHMAN  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN



AZAL BIN ADZHAR  
BENDAHARI NEGERI  
NEGERI SEMBILAN

PERBENDAHARAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN  
27 FEBRUARI 2009

**C Penyata Akaun Hasil Disatukan**  
seperti pada 31 Disember 2008

| Perihal  | 2008                      |                          |               | 2007                     |               |
|--|---------------------------|--------------------------|---------------|--------------------------|---------------|
|  | Belanjawan                |                          | Sebenar       |                          | Sebenar       |
|  | RM                        | RM                       | % Belanjawan  | RM                       | % Belanjawan  |
| <b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>                     |                           | <b>95,018,977.58</b>     |               | <b>115,335,931.40</b>    |               |
| <b>I HASIL</b>                                 |                           |                          |               |                          |               |
| Hasil Cukai                                    | 115,372,900.00            | 115,524,465.87           | 100.13        | 109,351,447.65           | 101.76        |
| Hasil Bukan Cukai                              | 57,315,200.00             | 64,565,576.13            | 112.65        | 88,007,345.88            | 143.07        |
| Terimaan Bukan Hasil                           | 47,411,900.00             | 80,609,740.31            | 170.02        | 53,924,881.71            | 116.73        |
| <b>Jumlah Hasil</b>                            | <b>220,100,000.00</b>     | <b>260,699,782.31</b>    | <b>118.45</b> | <b>251,283,675.24</b>    | <b>116.79</b> |
| <b>II PERBELANJAAN MENGURUS</b>                |                           |                          |               |                          |               |
| Emolumen                                       | 109,413,368.66            | 96,449,793.28            | 88.15         | 79,735,534.89            | 92.99         |
| Perkhidmatan Dan Bekalan                       | 79,896,148.34             | 71,358,519.54            | 89.31         | 71,991,028.10            | 93.72         |
| Aset   | 4,739,386.00              | 3,991,776.39             | 84.23         | 6,367,764.02             | 93.09         |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap             | 139,427,843.00            | 101,444,496.47           | 72.76         | 112,405,704.93           | 88.07         |
| Perbelanjaan Lain                              | 3,746,224.00              | 3,057,080.09             | 81.60         | 1,100,597.12             | 99.68         |
| <b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</b>            | <b>337,222,970.00</b>     | <b>276,301,665.77</b>    | <b>81.93</b>  | <b>271,600,629.06</b>    | <b>91.10</b>  |
| <b>Lebihan / (Defisit) Bagi Tahun (I - II)</b> | <b>( 117,122,970.00 )</b> | <b>( 15,601,883.46 )</b> |               | <b>( 20,316,953.82 )</b> |               |
| <b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>                   |                           | <b>79,417,094.12</b>     |               | <b>95,018,977.58</b>     |               |

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

**Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2008**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

**DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG  
PENTING****1. Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

**2. Asas Perakaunan**

Penyata Kewangan disediakan berdasarkan tunai ubahsuai.

**3. Kaedah Perakaunan**

Kaedah perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan 2 konsep seperti terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

(a) Konsep Kumpulanwang Negeri Disatukan yang berpunca daripada keperluan bahawa segala hasil dan wang yang didapatkan atau diterima kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam seumpamanya dimasukkan serta menjadi satu kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Disatukan bagi negeri itu (Fasal 97(2)); dan

(b) Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104).

Dewan Undangan Negeri memberi kuasa melakukan pembayaran daripada Kumpulanwang Disatukan melalui Akta Perbekalan Tahunan dan Akta Perbekalan Tambahan serta undang-undang lain. Kuasa membelanja yang dibenarkan melalui Akta Perbekalan adalah untuk maksud yang ditetapkan serta aman maksima yang baginya ia dibenarkan.

**4. Pembentangan Penyata Kewangan**

Penyata-penyata Akaun yang disediakan adalah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) seperti berikut:

- (a) Akaun Hasil Disatukan
- (b) Akaun Pinjaman Disatukan
- (c) Akaun Amanah Disatukan
- (d) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- (e) Akaun Memorandum yang terdiri daripada penyata aset dan tanggungan

**5. Entiti Perakaunan**

Sebagai sebuah entiti perakaunan, Kerajaan Negeri adalah termasuk semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk badan-badan berkanun dan syarikat milik Kerajaan.

**6. Tahun Kewangan**

Tahun Kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Seksyen 3 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) adalah suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**LEMBARAN IMBANGAN****7. Wang Tunai – Penyata A**

Wang Tunai adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank termasuk Simpanan Tetap.

(a) Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah membuat pelarasan perbezaan baki antara buku tunai dan bank sebagaimana yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank.

**8. Pelaburan – Penyata B**

**Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2008**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Lembaran Imbangan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulanwang Disatukan.

Tiga daripada empat saham milik Kerajaan Negeri yang disenaraikan dalam Penyata B telah dicagarkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen untuk membiayai pinjaman bagi pembelian tanah di Felda Sendayan iaitu Saham Malaysia Airports Holdings Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

**9. Akaun Hasil Disatukan – Penyata C**

**(a) Akaun Hasil – Penyata C1**

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

**(b) Perbelanjaan Mengurus – Penyata C2**

*Perbelanjaan Bekalan*

Semua kenaan peruntukan Belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan dianggap sebagai perbelanjaan.

Terimaan balik terlebih bayaran yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

*Perbelanjaan Tanggungan*

Perbelanjaan tanggungan terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut undang-undang Negeri. Ia termasuk pencen kerabat dan

bayaran balik pinjaman.

Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan ke Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dimasukkan dalam Akta Perbelanjaan Bekalan kerana tanggungan telah sedia dibenarkan oleh undang-undang.

**10. Akaun Pinjaman Disatukan – Penyata D**

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan punca kewangan yang lain di bawah kuasa undang-undang Negeri dan pembayarannya diakaunkan dalam Akaun Pinjaman. Terimaan dari pinjaman untuk pembiayaan projek dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan. Bagi pinjaman yang diterima untuk pembangunan bekalan air pada tahun 2008 akan dipindahkan ke Akaun Wang Amanah Pembangunan Bekalan Air.

**11. Akaun Amanah Disatukan – Penyata E**

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan terimaan dan bayaran berikut:

- Semua wang yang diterima dan dibayar oleh mana-mana kumpulanwang amanah mengikut terma dan peraturan yang dinyatakan dalam suratcara amanah (Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957).
- Apa-apa wang pelbagai yang diamanahkan kepada seseorang pegawai awam tertakluk kepada kuasa yang diberi melalui arahan amanah (Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957) dan termasuklah penerimaan dan pembayaran wang deposit.

**Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2008**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

Akaun Amanah Disatukan dikategorikan seperti berikut:

**(i) Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972). Kumpulanwang Amanah Kerajaan terdiri daripada:

• **Kumpulanwang Pembangunan – Penyata E1a**

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dan urusniaga yang berkaitan dengannya diakaunkan dalam Akaun Kumpulanwang Pembangunan.

Terimaan bagi Kumpulanwang ini adalah terdiri daripada pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulanwang ini.

Kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk tujuan tertentu mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966.

• **Kumpulanwang Amanah Bekalan Air – Penyata E1b**

Kumpulanwang Bekalan Air ditubuhkan mengikut kehendak Akta 20/1960 serta menerima pakai Akta 230/1980 bagi tatacara kewangan dan perakaunan mengikut Arahan Amanah Jabatan Bekalan Air.

• **Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan – Penyata E1c**

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 Seksyen 10 bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian daripada kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusingan. Sumber kewangan Kumpulanwang ini adalah peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

Akaun Kena Bayar juga merupakan salah satu akaun di bawah Kumpulanwang Amanah Kerajaan. Ia adalah jumlah yang terhutang kepada pembekal barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan di mana bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun kewangan berikutnya.

**(ii) Kumpulanwang Amanah Awam – Penyata E2**

Kumpulanwang Amanah Awam adalah terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Khas yang ditubuhkan di bawah Akta yang berkaitan dan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 Seksyen 9 dan Seksyen 10. Kumpulanwang ini mengakaunkan terimaan dari Kerajaan Persekutuan dan orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan tertentu.

• **Kumpulanwang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan**

Kumpulanwang ini ditubuhkan melalui ketetapan (usul) Dewan Undangan Negeri. Terimaan Kumpulanwang ini adalah dari sumber pemberian Kerajaan Persekutuan. Kumpulanwang ini digunakan untuk membayai kos penyeleggaraan semua jalan negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan.

**Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2008**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

- **Akaun Amanah Kelas Mengaji Al-Quran dan Fardu Ain Negeri Sembilan (KAFA)**

Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan mengakaunkan terimaan peruntukan daripada JAKIM dan lain-lain sumber untuk membiayai aktiviti mengurus KAFA seperti yang termaktub di dalam Arahān Amanah berkaitan.
  - **Akaun Amanah Sumbangan Geran Infrastruktur Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)**

Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan menerima sumbangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta sumber lain bagi maksud perumahan awam kos rendah untuk membiayai kos projek PAKR yang melebihi RM25,000 seunit, bayaran Juru Perunding dan lain-lain bayaran yang berkaitan dengan sumbangan infrastruktur.
  - **Akaun Amanah Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN)**

Akaun Amanah ini ditubuhkan susulan dari keputusan Jemaah Menteri pada 9 Januari 2002. Geran pelancaran sebanyak RM1juta telah diterima daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan untuk penubuhan MTPN, Negeri Sembilan. Sumber dalam akaun ini adalah bertujuan membiayai operasi pelancongan tahunan Kerajaan Negeri.
  - (iii) **Deposit – Penyata E3**

Akaun deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau perjanjian.
- AKAUN MEMORANDUM**
12. **Aset – Penyata F**
- (i) **Pinjaman Boleh Dituntut – Penyata F1**

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Agensi Negeri dengan Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh sumber Negeri dan Sumber Persekutuan.
- (ii) **Tunggakan Hasil – Penyata F2**

Hasil yang sepatutnya dipungut oleh pejabat pemungut tetapi tidak dapat dikutip sehingga akhir tahun kewangan.
- (iii) **Pelaburan – Penyata F3**

Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan tetapi dilaporkan dalam Penyata Memorandum.

Satu daripada dua saham milik Kerajaan Negeri yang disenaraikan dalam Penyata F3 telah dicagarkan kepada Kumpulanwang Amanah Pencen untuk membiayai pinjaman bagi pembelian tanah di Felda Sendayan iaitu saham Petronas Dagangan Berhad.
- (iv) **Lain-lain Pelaburan – Penyata F4**

Pelaburan dipegang oleh Menteri Besar Incorporation (MBI).
13. **Tanggungan**
- (i) **Hutang Kerajaan Negeri – Penyata G**

Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan punca kewangan lain untuk membiayai projek-projek pembangunan Negeri, Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Agensi Negeri.